



PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

VERSI 2023

PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN PEMANTAUAN PERANCANGAN FIZIKAL NEGERI



PANDUAN PENYEDIAAN

LAPORAN PEMANTAUAN PERANCANGAN FIZIKAL NEGERI (LPPFN)





Panduan Penyediaan Laporan Pemantauan Perancangan Fizikal Negeri (LPPFN) ini adalah hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan laporan ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin daripada Pejabat Projek Zon Timur, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia).

Diterbitkan oleh/*Published by* :

Pejabat Projek Zon Timur,
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia),
Tingkat 4, Wisma Perkeso,
Jalan Air Jernih,
20538 Kuala Terengganu, Terengganu
Tel : 09- 6267388
Email : <https://www.planmalaysia.gov.my>



PERUTUSAN

KETUA PENGARAH PERANCANGAN BANDAR DAN DESA



Salam Malaysia Madani,

Segala puji dan syukur kepada Allah SWT yang Maha Esa dan Maha Berkuasa kerana dengan keizinan-Nya segala tugas yang telah diamanahkan sebagai khalifah di muka bumi-Nya dapat disempurnakan dengan sebaiknya. Selawat dan salam turut dizahirkan dan dihadiahkan kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW sebagai utusan Allah SWT yang sentiasa memberikan sinar dan panduan untuk umat baginda yang amat dikasihi.

Di kesempatan ini, ingin saya rakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada kepada pasukan petugas Pejabat Projek Zon Timur (PPZR) kerana telah berjaya menyediakan Panduan Penyediaan Laporan Pemantauan Perancangan Fizikal Negeri (LPPFN) yang komprehensif bagi pemantauan Rancangan Struktur (RS) Negeri selaras dengan peruntukan seksyen 11, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) bagi tujuan kajian semula atau pengubahan RS. Sehubungan dengan itu, panduan ini dirangka bagi memastikan Penilaian dan Pemantauan RS Negeri yang disediakan adalah seragam dan mencapai keberkesanan penyediaan suatu RS Negeri.

Diharapkan agar Panduan Penyediaan LPPFN ini dapat digunakan oleh semua Pihak Berkuasa Negeri dan mana-mana pihak berkepentingan sebagai rujukan utama dan mekanisme di dalam mengenalpasti pencapaian dan menambahbaik dasar dan inisiatif suatu RS Negeri.

Sekian, terima kasih.

Ketua Pengarah
Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	v
Senarai Rajah	vi
Glosari	vii
Kronologi Kelulusan Panduan LPPFN	viii
 BAB 1	
1.0 Pendahuluan	1 – 1
1.1 Pengenalan	1 – 1
1.2 Punca Kuasa	1 – 1
1.3 Tujuan Penyediaan Panduan LPPFN	1 – 2
1.4 Objektif Penyediaan Panduan LPPFN	1 – 2
 BAB 2	
2.0 Senario Pemantauan Rancangan Struktur Negeri	2 – 1
2.1 Penyediaan LPPFN PLANMalaysia Negeri	2 – 3
2.2 Pelaksanaan Pemantauan RS oleh PLANMalaysia Negeri	2 – 8
2.3 Rumusan Senario Pemantauan	2 – 10
 BAB 3	
3.0 Panduan Penyediaan LPPFN	3 – 1
3.1 Tujuan Penyediaan LPPFN	3 – 1
3.2 Pendekatan Kajian	3 – 2
3.2.1 Tempoh Penyediaan dan Program Kerja LPPFN	3 – 3
3.2.2 Proses Penyediaan LPPFN	3 – 9
3.3 Pemantauan dan Penilaian Pelaksanaan Dasar dan Projek RS Negeri	3 – 15
3.3.1 Skop Pemantauan	3 – 15
3.3.2 Penilaian Pelaksanaan Dasar dan Projek RS Negeri	3 – 23
3.4 Kaedah Penyediaan LPPFN	3 – 29
3.4.1 Justifikasi Kaedah Manual dan Kaedah Sistem	3 – 29
3.4.2 Integrasi Sistem dan Data Maklumat	3 – 30
3.4.3 Kerjasama Strategik Sistem Integrasi / Aplikasi	3 – 31
3.4.4 Pembangunan Sistem Pemantauan Rancangan Pemajuan	3 – 32
3.5 Pengumpulan Data	3 – 35
3.5.1 Kaedah Pengumpulan dan Pengukuran Data	3 – 36
3.6 Pembentukan Indikator bagi RS Negeri	3 – 37
3.7 Organisasi Pengurusan LPPFN	3 – 41
3.7.1 Fungsi dan Peranan Jawatankuasa	3 – 42

ISI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

BAB 4

4.0	Asas Penentuan Penetapan Pengubahan / Kajian Semula Rancangan Struktur Negeri	4 – 1
-----	---	-------

BAB 5

5.0	Rumusan	5 – 1
-----	---------	-------

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	PERKARA	MUKA SURAT
Jadual 2.1	Status Pelaksanaan RS Negeri Sehingga Oktober 2023	2 – 1
Jadual 2.2	Status Semasa dan Proses Penyediaan LPPFN PLANMalaysia bagi Negeri Selangor, Pulau Pinang, Melaka, Kedah dan Perlis	2 – 4
Jadual 2.3	Rumusan Pelaksanaan Pemantauan Melalui Penggunaan Sistem dan Kaedah Manual	2 – 9
Jadual 3.1	Program Kerja Terperinci Penyediaan LPPFN secara Manual	3 – 6
Jadual 3.2	Program Kerja Terperinci Penyediaan LPPFN melalui Sistem	3 – 8
Jadual 3.3	Penerangan Proses Kerja Bagi Peringkat 1: Mobilisasi (Manual)	3 – 9
Jadual 3.4	Penerangan Proses Kerja Bagi Peringkat 2: Penyediaan LPPFN (Manual)	3 – 10
Jadual 3.5	Penerangan Proses Kerja Bagi Peringkat 3: Persetujuan dan Makluman (Manual)	3 – 10
Jadual 3.6	Penerangan Proses Kerja Bagi Peringkat 1: Mobilisasi (Sistem)	3 – 12
Jadual 3.7	Penerangan Proses Kerja Bagi Peringkat 2 : Pengumpulan Data dan Penyediaan LPPFN (Sistem)	3 – 13
Jadual 3.8	Penerangan Proses Kerja Bagi Peringkat 3 : Persetujuan dan Makluman (Sistem)	3 – 13
Jadual 3.9	Skop Utama Pemantauan RS Negeri	3 – 17
Jadual 3.10	Matriks Contoh Panduan Pemantauan bagi Penilaian Tahap Penerimaan RS Negeri oleh <i>Stakeholders</i>	3 – 18
Jadual 3.11	Contoh Borang Penilaian Impak Pelaksanaan Selepas Dua (2) Tahun Pelaksanaan (RS) (2022 – 2024)	3 – 22
Jadual 3.12	Contoh Indikator Pengukuran Pencapaian dan Pemantauan Pelaksanaan Dasar dan Projek RS Negeri	3 – 24
Jadual 3.13	Contoh Rumusan Pencapaian Inisiatif	3 – 27
Jadual 3.14	Kategori Data Yang Diperlukan Dalam Penyediaan LPPFN	3 – 36
Jadual 3.15	Contoh Cadangan Pembentukan Indikator, Petunjuk Output / Outcome bagi RS Negeri Selangor Yang Tidak Mengandungi Indikator	3 – 38
Jadual 3.16	Perincian Fungsi dan Peranan Jawatankuasa	3 – 42

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	PERKARA	MUKA SURAT
Rajah 2.1	Matriks Kandungan RS Negeri	2 – 2
Rajah 2.2	Status Penyediaan LPPFN bagi 11 Negeri Semenanjung Malaysia Sehingga Oktober 2023	2 – 3
Rajah 2.3	<i>Interface</i> Sistem Pemantauan RS Negeri	2 – 8
Rajah 3.1	Kaedah Penentuan Penyediaan LPPFN	3 – 1
Rajah 3.2	Proses Kerja Penyediaan LPPFN Secara Manual	3 – 11
Rajah 3.3	Proses Kerja Penyediaan LPPFN Secara Sistem	3 – 14
Rajah 3.4	Terjemahan Prinsip SMART	3 – 16
Rajah 3.5	Panduan Asas Susunan Matriks Pengukuran Penilaian Dasar, Strategi Pembangunan, Langkah-langkah (Inisiatif Pelaksanaan), Indikator Pencapaian dan Status Projek	3 – 20
Rajah 3.6	Proses Pelaksanaan Pelan Integrasi Sistem	3 – 31
Rajah 3.7	Cadangan Carta Alir Penyediaan Kaedah Sistem Pemantauan LPPFN	3 – 33
Rajah 3.8	Contoh Paparan Data Dalam Sistem	3 – 34
Rajah 3.9	Pengukuran Data / Maklumat bagi Penyediaan LPPFN	3 – 35
Rajah 3.10	Struktur Organisasi Pengurusan LPPFN	3 – 41
Rajah 4.1	Asas Justifikasi Pengubahan RS Negeri	4 – 1
Rajah 4.2	Asas Pertimbangan Dalam Penentuan Pengubahan atau Kajian Semula RS Negeri	4 – 2

GLOSARI

Akta 172	Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976
Bil.	Bilangan
BPEN	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri
EIA	Kajian Impak Alam Sekitar
e-MoS	<i>Electronic Monitoring Structure</i>
FGD	Perbincangan Kumpulan Terfokus
HIP	<i>High Impact Project</i>
GIS	<i>Geographical Information System</i>
ICT	<i>Information dan Communication Technology</i>
IP	Inisiatif Pelaksanaan
JK	Jawatankuasa
JPN	Jawatankuasa Perancang Negeri
KPI	<i>Key Performance Index</i>
KSAS	Kawasan Sensitif Alam Sekitar
LPK	Laporan Pendekatan Kajian
LPFNS	Laporan Perancangan Fizikal Negeri Selangor
LPFN	Laporan Perancangan Fizikal Negeri
LPPFN	Laporan Pemantauan Perancangan Fizikal Negeri
LPOI	Laporan Pemantauan <i>Outcome Impact</i>
LPP	Laporan Pengawasan Perancangan
LPRSNS 2045	Laporan Pemantauan Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045
LRA	Loji Rawatan Air
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MPFN	Majlis Perancang Fizikal Negara
MUO	Malaysia Urban Observatory
NGO	Badan Bukan Kerajaan
NRW	<i>Non-Revenue Water</i>
NUA	New Urban Agenda
PAIP	Pengurusan Air Pahang Berhad
PBN	Pihak Berkuasa Negeri
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PERHILITAN	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara
PLANMalaysia	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
RFN	Rancangan Fizikal Negara
RS	Rancangan Struktur
RSN	Rancangan Struktur Negeri
SDGs	<i>Sustainable Development Goals</i>
SIA	Kajian Impak Sosial
SUK	Setiausaha Kerajaan Negeri
TIA	Kajian Impak Trafik
UPEN	Unit Perancang Ekonomi Negeri

KRONOLOGI KELULUSAN PANDUAN LPPFN

Penyediaan Panduan LPPFN ini telah melalui beberapa sesi perbincangan dan mesyuarat seperti berikut :

- i. Mesyuarat Pengurus Projek PLANMalaysia Bil. 1/2022 pada 19 dan 20 Mei 2022 yang memutuskan bahawa satu Panduan Penyediaan LPFN perlu disediakan bertujuan untuk dijadikan panduan penyediaan LPFN untuk semua Pihak Berkuasa Negeri (PBN);
- ii. Pengumpulan data dan maklumat RS Negeri bagi semua negeri pada Jun dan Julai 2023;
- iii. Pelantikan pasukan kajian bagi penyediaan LPPFN berkuatkuasa pada 13 Julai 2022;
- iv. Mesyuarat Penyelarasan Penyediaan LPFN PPZR Bil 1/2022 pada 21 Ogos 2022;
- v. Program Sebaran Manual RS Negeri (Penyediaan LPFN dan Amalan Pelaksanaan di Peringkat Negeri) pada 13 September 2022;
- vi. Mesyuarat Penyelarasan Penyediaan LPFN PPZR Bil. 2/2022 pada 28 November 2022;
- vii. Mesyuarat Penyelarasan Penyediaan LPFN PPZR Bil. 3/2022 pada 15 Januari 2023;
- viii. Bengkel Kajian Semula Rancangan Struktur (RS) Negeri : Panduan Penyediaan LPFN pada 13 dan 14 Mac 2023;
- ix. Edaran maklumbalas Draf 3 Panduan LPPFN kepada semua PLANMalaysia Negeri dan Pejabat Projek Zon pada 17 April 2023; dan
- x. Mesyuarat Penyelarasan Penambahbaikan Panduan LPPFN dengan Dashboard Pemantauan RS dalam Malaysia Urban Observatory (MUO) pada 6 Julai 2023.

Kelulusan Panduan LPPFN ini mengambilkira pertimbangan mesyuarat sebagaimana berikut :

- i. Mesyuarat Pengurus Projek PLANMalaysia Bil. 1/2023 pada 21 Februari 2023; dan
- ii. Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP) Bil. 3/2023, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) pada 20 Jun 2023.



BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Panduan Penyediaan Laporan Pemantauan Perancangan Fizikal Negeri (LPPFN) merupakan panduan umum bagi semua Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dalam menyediakan laporan pemantauan untuk Rancangan Struktur (RS) Negeri yang telah diwartakan. Panduan LPPFN ini akan menjadi dokumen penting dan rujukan kepada semua dalam membuat keputusan-keputusan tertentu terutamanya melibatkan penyediaan kerangka penilaian pelaksanaan dan pencapaian dasar bagi sesuatu dokumen RS Negeri di Semenanjung Malaysia.

Panduan LPPFN yang disediakan ini juga akan menjelaskan proses-proses penyediaan LPPFN secara menyeluruh dari peringkat awal penyediaan sehingga peringkat kelulusan LPPFN. Penyediaan LPPFN ini merupakan satu inisiatif yang diambil oleh PLANMalaysia bagi memastikan keseragaman penggunaan panduan LPPFN oleh semua PBN.

Sehubungan dengan itu, panduan ini dirangka bagi memastikan Penilaian dan Pemantauan RS Negeri yang disediakan adalah seragam dan mencapai keberkesanan penyediaan suatu RS Negeri.

1.2 PUNCA KUASA

Punca kuasa panduan penyediaan LPPFN berdasarkan kepada perkara-perkara berikut:

- a. Selaras peruntukan seksyen 11, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) bagi kajian semula atau pengubahan RS;
- b. LPPFN sebagai dokumen sokongan bagi penyediaan Laporan Pengawasan Perancangan (LPP) yang diperuntukkan di bawah cadangan pindaan seksyen 6C(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172);
- c. Keputusan Mesyuarat Pengurus Projek PLANMalaysia Bil. 1/2022 pada 19 dan 20 Mei 2022 yang memutuskan bahawa satu Panduan Penyediaan LPPFN perlu disediakan bertujuan untuk dijadikan panduan penyediaan LPPFN untuk semua PBN; dan
- d. Penyediaan LPPFN adalah sebagai dokumen sokongan kepada penyediaan Laporan Tinjauan selari dengan Manual Rancangan Struktur Versi 2021 yang diluluskan pada tahun 2022.


1.3 TUJUAN PENYEDIAAN PANDUAN LPPFN

Penyediaan Panduan LPPFN adalah bertujuan sebagai rujukan dan panduan utama kepada PBN dalam menyediakan LPPFN yang seragam bagi penilaian pencapaian pelaksanaan dasar mengikut fasa pelaksanaan yang dikaji suatu RS Negeri dan menjadi dokumen sokongan kepada pengubahan dan kajian semula suatu RS.

1.4 OBJEKTIF PENYEDIAAN PANDUAN LPPFN

Objektif Penyediaan Panduan LPPFN ialah:

- a. Menyelaras, menyeragam dan merangka format kandungan umum LPPFN bagi semua PBN;
- b. Memperincikan proses penyediaan LPPFN;
- c. Menyelaras dan menetapkan skop pemantauan RS Negeri;
- d. Mencadangkan tempoh penyediaan LPPFN bagi semua PBN; dan
- e. Menjadi panduan untuk menilai pencapaian dasar suatu RS Negeri dan sebagai dokumen sokongan kepada pengubahan dan kajian semula suatu RS.



BAB 2

SENARIO PEMANTAUAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI

2.0 SENARIO PEMANTAUAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI

Bab ini menerangkan tentang senario pemakaian dan pemantauan RS bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Sehingga tahun 2023, terdapat 11 negeri yang telah menyediakan Kajian Semula RS Negeri berdasarkan peruntukan Seksyen 11A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) sebagaimana Jadual 2.1.


Semua RS Negeri ini telah sedia untuk dibuat pemantauan memandangkan tempoh pewartaan telah melebihi jangka masa dua (2) tahun daripada tarikh warta. Kandungan RS Negeri ini merangkumi dasar-dasar utama, teras, halatuju strategik, inisiatif pelaksanaan, Projek *Flagship / High Impact Project* (HIP), indikator, output dan *outcome* mengikut RS Negeri masing-masing.

Jadual 2.1: Status Pelaksanaan RS Negeri Sehingga Oktober 2023

NEGERI	NOMBOR DAN TARIKH WARTA	TEMPOH PERANCANGAN RS	TEMPOH PELAKSANAAN RS
TERENGGANU	121, JLD 74 NO 4 bertarikh 18.02.2021	Tahun 2050 (30 tahun)	2 Tahun
PAHANG	297 bertarikh 14.03.2019	Tahun 2050 (30 tahun)	4 Tahun
KELANTAN	2041 bertarikh 31.12.2020	Tahun 2040 (20 tahun)	3 Tahun
PERLIS	JLD 55 NO 25 tambahan no. 1 bertarikh 6.12.2012	Tahun 2030 (20 tahun)	11 Tahun
KEDAH	974, JIL 63 NO 21 bertarikh 08.10.2020	Tahun 2035 (15 tahun)	3 Tahun
PULAU PINANG	JLD 63 Tambahan No.3/22 bertarikh 24.10.2019	Tahun 2030 (15 tahun)	4 Tahun
SELANGOR	301 bertarikh 02.02.2017	Tahun 2035 (20 tahun)	6 Tahun
PERAK	2681 bertarikh 31.12.2020	Tahun 2040 (20 tahun)	3 Tahun
NEGERI SEMBILAN	668 bertarikh 15.03.2018	Tahun 2045 (30 tahun)	5 Tahun
MELAKA	374 JLD 62 NO 17 bertarikh 16.08.2018	Tahun 2035 (20 tahun)	5 Tahun
JOHOR	J.P.U 12 Jld. 64 No. 7 bertarikh 26.03.2020	Tahun 2030 (10 tahun)	3 Tahun

Sumber: Olahan Manual RS Versi 2021, PLANMalaysia

Rajah 2.1 menunjukkan matriks kandungan RS Negeri bagi setiap negeri yang mengandungi teras sehingga petunjuk *outcome*. 10 buah negeri mencapai antara penyediaan empat (4) hingga lima (5) peringkat bagi setiap proses dasar. Setiap kandungan RS Negeri akan dinilai bagi setiap pencapaian indikator. Kandungan matriks ini akan menjadi panduan untuk semua PLANMalaysia Negeri semasa di peringkat penyediaan LPPFN.



Sumber: Kajian Panduan Penyediaan LPPFN, PLANMalaysia

Rajah 2.1: Matriks Kandungan RS Negeri

2.1 PENYEDIAAN LPPFN PLANMALAYSIA NEGERI

LPPFN merupakan dokumen sokongan kepada penyediaan suatu RS Negeri dan disediakan selepas dua (2) tahun dokumen RS Negeri diwartakan dan menjadi panduan kepada kajian semula suatu RS Negeri yang telah mencapai tempoh masa lima (5) tahun. Laporan ini perlu mengambil kira keberkesanan pelaksanaan dasar dan cadangan strategi yang merangkumi kandungan RS yang telah diwartakan mengikut negeri masing-masing.

Penyediaan LPPFN bagi 11 negeri di Semenanjung Malaysia ini boleh dikategorikan kepada tiga (3) kategori iaitu negeri yang **telah sedia**, **sedang sedia** dan **dalam perancangan** sebagaimana **Rajah 2.2**. Terdapat lima (5) buah negeri sahaja yang telah menyediakan LPPFN iaitu Negeri Selangor, Pulau Pinang, Melaka, Kedah dan Perlis. Penyediaan LPPFN bagi kelima-lima negeri ini adalah berbeza dari segi aspek penyediaan dokumen dan skop sistem pemantauan. Perincian status semasa dan proses penyediaan LPPFN ini adalah sebagaimana **Jadual 2.2**.

LPPFN yang sedang disediakan melibatkan dua (2) buah negeri iaitu Negeri Perak dan Negeri Sembilan. Bagi Negeri Perak kini di peringkat pengumpulan dan pengemaskinian data yang membabitkan pembangunan sistem pemantauan melalui Malaysia Urban Observatory (MUO). Manakala Negeri Sembilan berada di peringkat Laporan Analisis bagi Pemantauan Rancangan Struktur Negeri Sembilan 2045 (LPRSNS 2045). Terdapat empat (4) buah negeri iaitu Negeri Johor, Pahang, Kelantan dan Terengganu yang kini dalam peringkat perancangan dan pengumpulan data serta pembangunan sistem.



Rajah 2.2: Status Penyediaan LPPFN bagi 11 Negeri Semenanjung Malaysia Sehingga Oktober 2023

Jadual 2.2: Status Semasa dan Proses Penyediaan LPPFN PLANMalaysia bagi Negeri Selangor, Pulau Pinang, Melaka, Kedah dan Perlis

BIL.	PERKARA	LAPORAN PEMANTAUAN PERANCANGAN FIZIKAL NEGERI				
		SELANGOR *	PULAU PINANG *	MELAKA	KEDAH *	PERLIS *
1.	Status Penyediaan LPPFN sehingga Oktober 2023	Penyediaan LPPFN Selangor telah disediakan bermula tahun 2017 secara dokumen dan sistem. Tujuan penyediaan LPPFN adalah untuk menyediakan indikator pengukuran dan menilai pencapaian dasar serta diterjemahkan kepada sistem LPPFNS. Pada tahun 2018 sehingga 2020, pengumpulan data maklumat dibekalkan oleh semua agensi pelaksana untuk menghasilkan Laporan Pemantauan melalui sistem LPPFNS. Pada Jun 2022, pencapaian LPPFN telah digunakan untuk penyediaan Laporan Pemantauan <i>Outcome Impact</i> (LPOI) dan dokumen ini telah siap pada Disember 2022 dan menjadi panduan kepada PBN untuk menambahbaik dasar-dasar sediada di peringkat negeri.	Penyediaan LPPFN Pulau Pinang telah diterjemahkan melalui pembangunan sistem <i>Electronic Monitoring Structure</i> (e-MoS) sejak tahun 2010. Selaras kandungan RSN Pulau Pinang 2030 yang telah diwartakan pada tahun 2019, sistem e-MoS ini telah dikemaskini dan disesuaikan dengan indikator RS yang telah diwartakan dan menghasilkan Laporan Pemantauan. Penggunaan sistem e-MoS oleh PLANMalaysia Pulau Pinang ini telah berjaya dilaksanakan dan telah ditambahbaik dari semasa ke semasa dan menjadi rujukan kepada semua agensi pelaksana.	Penyediaan LPPFN Melaka telah disediakan bermula pada Jun 2022 selaras keperluan penyediaan LPPFN di dalam Manual Rancangan Struktur Versi 2021. Penyediaan LPPFN Melaka ini disediakan secara dokumen dan menggunakan khidmat pelantikan perunding yang bertauliah serta disiapkan dalam tempoh tujuh (7) bulan. Dokumen LPPFN Melaka siap disediakan pada Disember 2022 dan telah diluluskan di Mesyuarat JPN Melaka pada tahun 2023.	Penyediaan LPPFN Kedah telah disediakan bermula pada Jun 2022 selaras keperluan penyediaan LPPFN di dalam Manual Rancangan Struktur Versi 2021. Penyediaan LPPFN Kedah ini disediakan secara penggunaan sistem dan akan menghasilkan Laporan Pemantauan berkala yang akan digunakan oleh agensi-agensi pelaksana yang terlibat semasa di peringkat pengemaskinian data maklumat. Sistem ini telah siap dibina pada Disember 2022 dan dinamakan Sistem Pemantauan RSN Kedah 2035 dan kini tahun 2023 di peringkat pengujian sistem melibatkan semua agensi-agensi utama dan akan dilaksanakan sepenuhnya bagi tahun 2024.	LPPFN bagi Negeri Perlis dihasilkan secara <i>in house</i> dan dikenali sebagai Laporan Pemantauan RS Negeri Perlis 2030. RS Negeri ini telah diwartakan sejak tahun 2012 namun pemantauan telah dibuat pada tahun 2019. Penyediaan Laporan Pemantauan berbentuk pencapaian maklum balas agensi pelaksana dan telah diluluskan di Jawantankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan RSN Perlis 2030 pada Disember 2021. Pada tahun 2022, Laporan Pemantauan RS Negeri Perlis 2030 telah diangkat ke Mesyuarat JPN Perlis sebagai pemakluman. Tahun 2023, Terma Rujukan Kajian Semula RS Negeri Perlis 2040 (Kajian Semula) telah disediakan dan kajian susulan akan dibuat pada tahun 2024.


BIL.	PERKARA	LAPORAN PEMANTAUAN PERANCANGAN FIZIKAL NEGERI				
		SELANGOR *	PULAU PINANG *	MELAKA	KEDAH *	PERLIS *
Proses Penyediaan LPPFN						
2.	Tempoh Penyediaan LPPFN / Laporan yang dihasilkan	8 Bulan a. Laporan Pendekatan Kajian (LPK) (4 minggu) b. Laporan Draf Awal (16 minggu) c. Draf LPFNS2022 (12 minggu)	12 bulan Menaiktaraf sistem sejak tahun 2010 (Laporan Pemantauan)	7 bulan a. LPK (6 minggu) b. Laporan Draf Awal (8 minggu) c. Draf LPPFNM 2022 (12 minggu)	6 Bulan a. Keperluan Kajian, Reka Bentuk, Bengkel b. Modul c. Aplikasi mudah alih d. Pemindahan Teknologi	12 Bulan Laporan Pemantauan
3.	Pelantikan Perunding	Ya	Ya	Ya	Ya	<i>Inhouse</i>
4.	Kos LPPFN	RM300,000.00	RM350,000.00	RM350,000.00	RM310, 050.00	Tiada
5.	Jawatankuasa Melulus LPPFN	Jawatankuasa Teknikal Laporan Perancangan Fizikal Negeri Selangor	Jawatankuasa Induk Pemantauan RSN Pulau Pinang 2030 Peringkat Negeri	Jawatankuasa Pemantauan Rancangan Pemajuan Melaka	Jawatankuasa Pemantauan dan Pelaksanaan RSN Kedah 2035	Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan RSN Perlis 2030
6.	Kekerapan Laporan LPPFN dibentang kepada Jawatankuasa	Tiada	Sekali setahun	2 kali setahun	Sekali setahun	Sekali setahun
7.	Pemantauan LPPFN dibuat melalui aplikasi sistem	Sistem LPFNS (Sistem Pengurusan Laporan Perancangan Fizikal Negeri Selangor)	e-MoS Plan RSN Pulau Pinang 2030	Tiada	Sistem Pemantauan RSN Kedah 2035	Tiada

BIL.	PERKARA	LAPORAN PEMANTAUAN PERANCANGAN FIZIKAL NEGERI				
		SELANGOR *	PULAU PINANG *	MELAKA	KEDAH *	PERLIS *
8.	Skop Kajian	a. Menyediakan kerangka penilaian pelaksanaan dan pencapaian setiap dasar yang terkandung di dalam RS Negeri Selangor 2035. b. Mengenalpasti indikator pengukuran pelaksanaan setiap dasar dalam RS Negeri Selangor 2035. c. Mengemaskini kesesuaian dasar dan inisiatif pelaksanaan RS Negeri Selangor 2035.	Semua dasar-dasar dan langkah-langkah yang disenaraikan dalam RS Negeri Pulau Pinang 2030.	a. Mengemaskini data-data Laporan Tinjauan RSN Melaka 2035. b. Merangka satu (1) kerangka penilaian pelaksanaan dan pencapaian setiap dasar yang terkandung di dalam RSN Melaka 2035. c. Mengenalpasti indikator pengukuran pelaksanaan setiap dasar dalam RSN Melaka 2035. d. Mengenalpasti pencapaian pelaksanaan dasar dan projek yang terdapat dalam RSN Melaka 2035. e. Mengenalpasti kekuatan dan kelemahan setiap dasar yang terdapat dalam RSN Melaka 2035 serta justifikasi ketidakbolehlaksanaan dasar tersebut.	a. Pengurusan, pemantauan dan pelaporan. b. Paparan pemetaan.	Penilaian Pelaksanaan Dasar Utama dan Projek-projek <i>Flagship</i> .

BIL.	PERKARA	LAPORAN PEMANTAUAN PERANCANGAN FIZIKAL NEGERI				
		SELANGOR *	PULAU PINANG *	MELAKA	KEDAH *	PERLIS *
9.	Output	a. Melihat tahap pematuhan, penilaian pencapaian dasar, strategi pembangunan langkah-langkah pelaksanaan RSN Selangor 2035. b. Pencapaian outcome serta keberhasilan pelaksanaan RSN Selangor 2035 kepada Pihak Berkuasa Negeri, PBT dan agensi-agensi pelaksana berkaitan.	a. Sistem Pemantauan dan Pengukuran RS Pulau Pinang. b. Pelaporan Pemantauan.	a. Memperlihatkan kekuatan dan kelemahan dari segi pelaksanaan dan pematuhan kepada agenda global, nasional dan negeri. b. Pemantauan pembangunan fizikal.	Pemantauan, Pelaporan dan pemetaan pencapaian dasar, strategi dan hala tuju pembangunan.	Pemantauan, Pelaporan dan pencapaian dasar, strategi serta hala tuju pembangunan.
10.	Rumusan	Pemantauan dasar dan halatuju RSN Selangor 2035 telah diperincikan kepada tiga (3) iaitu projek berimpak tinggi, berimpak sederhana, berimpak rendah dan proses penambahbaikan inisiatif.	Laporan Pemantauan yang dihasilkan menunjukkan pencapaian pencapaian dasar dan hala tuju perancangan bagi RS Pulau Pinang bagi setiap tahun melalui sistem yang disediakan.	Laporan pemantauan yang dihasilkan telah mengenalpasti dasar-dasar yang perlu dipinda / dimansuhkan serta pemantauan berkala bagi dasar-dasar yang perlu diberi perhatian.	Laporan Pemantauan yang dihasilkan menunjukkan pencapaian pencapaian dasar dan hala tuju perancangan bagi RS Kedah 2035 melalui sistem yang disediakan.	Laporan Pemantauan yang dihasilkan menyokong kepada keputusan-keputusan di peringkat Kerajaan Negeri Perlis bagi melihat potensi pembangunan fizikal, sosial, ekonomi dan persekitaran mampan bagi tujuan penyediaan Kajian Semula RS.

2.2 PELAKSANAAN PEMANTAUAN RS OLEH PLANMALAYSIA NEGERI


Penyediaan LPPFN boleh dilaksanakan melalui dua (2) kaedah iaitu secara manual dan secara sistem. Kedua-dua kaedah ini boleh ditentukan oleh Kerajaan Negeri berdasarkan kos dan tempoh masa yang diperlukan di dalam penyediaan LPPFN. Penyediaan LPPFN boleh dilaksanakan secara kaedah sistem iaitu dalam talian bagi memudahkan proses pengumpulan data berkaitan daripada setiap agensi pemegang taruh / jabatan teknikal / agensi pelaksana yang terlibat. Sehingga Oktober 2023, tiga (3) buah negeri telah melaksanakan pemantauan RS secara kaedah sistem iaitu Pulau Pinang, Selangor dan Kedah. Sistem yang dibangunkan ini mampu memberi maklumat mengenai status kemajuan bagi semua inisiatif pelaksanaan secara cepat dan tepat sebagaimana contoh paparan di **Rajah 2.3**.



Sistem e-MoS oleh PLANMalaysia Pulau Pinang



Sistem LPFNS oleh PLANMalaysia Selangor



Sistem Pemantauan RSN Kedah 2035 oleh
PLANMalaysia Kedah

Rajah 2.3: *Interface* Sistem Pemantauan RS Negeri

Penggunaan sistem dalam pemantauan RS Negeri adalah selari dengan perkembangan teknologi masa kini di mana ianya lebih efisien dari segi penggunaannya. Tanpa sistem pemantauan juga, sesuatu pemantauan LPPFN masih boleh dibuat dengan kaedah manual dengan mendokumenkan pelaporan pemantauan. Walau bagaimanapun, dari segi keberkesanan dan efisien kaedah ini adalah bergantung kepada negeri terlibat. **Jadual 2.3** di bawah menunjukkan pengalaman PLANMalaysia Negeri dalam pelaksanaan pemantauan secara sistem dan manual:-

Jadual 2.3: Rumusan Pelaksanaan Pemantauan Melalui Penggunaan Sistem dan Kaedah Manual

PEMANTAUAN MENGGUNAKAN SISTEM (PULAU PINANG, SELANGOR DAN KEDAH)	PEMANTAUAN MENGGUNAKAN KAEDAH MANUAL (MELAKA DAN PERLIS)
a. Sistem ini memudahkan pemantauan pelaksanaan projek dan dasar-dasar yang terlibat dalam cadangan pembangunan negeri berkenaan; b. Sistem ini juga dilengkapi dengan pengukuran indikator dan formula serta menghasilkan output yang lebih tepat dan memudahkan proses pengumpulan data primer; c. Penggunaan teknologi <i>Information dan Communication Technology</i> (ICT) yang baik juga mampu meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan produktiviti organisasi yang terlibat; d. Data disimpan secara berpusat dan mudah dicapai dan di analisis; e. Data yang diperoleh adalah lebih cepat dan tepat untuk diselaraskan di dalam sistem; dan f. Penggunaan tenaga kerja yang efisien dengan tidak menggunakan tenaga kerja yang ramai dalam pengumpulan maklumat.	a. Keperluan pelantikan dan kos perunding setiap tahun bagi setiap penyediaan LPPFN atau boleh dilakukan secara <i>inhouse</i>; b. Pengumpulan dan analisis data secara berkala dan interaksi di antara agensi teknikal dan pelaksana adalah berkesan; c. Pengumpulan data secara manual dan memudahkan agensi teknikal dan pelaksana membekalkan data yang sama bagi setiap tahun mengikut keperluan yang ditetapkan; d. Kekerapan mengadakan perbincangan, Perbincangan Kumpulan Terfokus (FGD) dan mesyuarat verifikasi dapat menyelesaikan isu dan masalah berbangkit; e. Semua agensi teknikal dan pelaksana memainkan peranan penting di dalam membekalkan data; dan f. Penyediaan dokumen disahkan di setiap peringkat dan mudah ditambahbaik.

2.3 RUMUSAN SENARIO PEMANTAUAN

Secara keseluruhannya, semua dokumen RS bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia telah sedia untuk dibuat laporan pemantauan pelaksanaan memandangkan tempoh pewartaan RS Negeri yang telah melebihi jangka masa masa dua (2) tahun. Kandungan pemantauan dokumen RS Negeri ini adalah berbeza-beza merangkumi dasar-dasar utama, teras, halatuju strategik, inisiatif pelaksanaan, projek *Flagship / High Impact Project* (HIP), indikator, output dan *outcome* yang akan dinilai pencapaian pelaksanaannya.

Penyediaan laporan pemantauan RS sebelum ini dikenali sebagai Laporan Perancangan Fizikal Negeri (LPFN). Ianya disediakan untuk menilai pencapaian pelaksanaan dasar oleh suatu RS Negeri selepas dua (2) tahun pemantauan. Pada tahun 2023, penyediaan LPFN telah ditukar kepada LPPFN iaitu Laporan Pemantauan Perancangan Fizikal Negeri semasa di peringkat kajian Panduan Penyediaan LPPFN dan sesi perundingan bersama semua PLANMalaysia Negeri dan Pejabat Projek Zon dengan mengambil kira keperluan aspek pematuhan penilaian perancangan fizikal semasa bagi suatu RS Negeri.

Pemantauan bagi RS Negeri telah bermula sejak tahun 2010 oleh PLANMalaysia Pulau Pinang melalui penggunaan sistem pemantauan e-MoS. Sistem ini telah disesuaikan dengan dokumen RS terkini yang telah diwartakan dan masih digunakan sehingga kini.

PLANMalaysia Selangor telah memulakan penyediaan LPFN ini sejak tahun 2017, di mana penyediaan dokumen LPFN ini adalah seiring dengan pembinaan sistem LPFN Selangor yang disediakan dengan mengambilkira penyediaan indikator pengukuran dasar di dalam RS Negeri sediaada. Sistem pemantauan ini telah digunakan bagi tujuan penyediaan Laporan Pemantauan setiap tahun. Bagi tahun 2022, PLANMalaysia Selangor telah menyediakan LPOI untuk menilai pencapaian keseluruhan indikator yang telah disediakan dengan mengambilkira penyediaan Laporan Pemantauan.

Penilaian LPPFN di PLANMalaysia Perlis dilaksanakan dengan menyediakan Laporan Pemantauan dan dijalankan secara *inhouse* sejak 2019. Laporan Pemantauan ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Negeri Perlis pada tahun 2022. Ianya telah dijadikan asas



dalam penyediaan Terma Rujukan Kajian Semula RS Negeri Perlis 2040 oleh Pejabat Projek Zon Utara dan kajian akan dijalankan pada tahun 2024.

Sehingga Oktober 2023, tambahan dua (2) buah negeri baharu yang menyediakan LPPFN dan sistem pemantauan iaitu PLANMalaysia Melaka dan PLANMalaysia Kedah. Empat (4) buah PLANMalaysia Negeri iaitu Johor, Pahang, Kelantan manakala Terengganu pula masih di dalam perancangan dan pengumpulan data bagi penyediaan LPPFN serta penyediaan kertas kerja sistem.

Sehubungan itu, penyediaan LPPFN ini turut mengambil kira pengalaman lima (5) buah negeri yang telah melaksanakan LPPFN merangkumi penyediaan laporan dan sistem pemantauan dengan mengambilkira perbandingan tempoh penyediaan, pelantikan perunding, kos penyediaan, kelulusan jawatankuasa berkaitan, pemantauan aplikasi sistem dan kandungan LPPFN yang boleh menjadi panduan kepada semua negeri.



BAB 3

PANDUAN PENYEDIAAN LPPFN

3.0 PANDUAN PENYEDIAAN LPPFN

Bahagian ini menerangkan tujuan, pendekatan kajian, skop pemantauan, kaedah penyediaan, pengumpulan data, pencapaian dasar dan organisasi pengurusan bagi penyediaan LPPFN. Panduan ini akan digunakan oleh semua negeri untuk penyeragaman penyediaan LPPFN. Kandungan panduan ini juga akan menjadi rujukan PBN dalam menilai keberkesanan pelaksanaan dasar, strategi serta inisiatif pelaksanaan untuk RS Negeri yang telah cukup tempoh dua (2) tahun pewartaan.

Rajah 3.1 menunjukkan keperluan garis masa penyediaan LPPFN bagi suatu RS Negeri. Penyediaan LPPFN bagi suatu RS Negeri akan disediakan selepas dua (2) tahun pewartaan dan akan menjadi rujukan kepada suatu RS Negeri yang telah mencapai tempoh lima (5) tahun untuk penetapan kajian semula RS. Bagi suatu RS Negeri yang masih tidak menyediakan kajian semula RS dalam tempoh lima (5) tahun pewartaan, maka LPPFN ke-2 akan disediakan mengikut garis masa yang telah ditetapkan bagi tujuan memastikan pemantauan yang berterusan untuk projek-projek dan inisiatif di dalam RS. Proses ini akan berulang bagi LPPFN ke-3 pada tahun seterusnya jika masih tiada kajian semula dilakukan untuk suatu RS tersebut. Penyediaan LPPFN ini juga turut mengambil kira perubahan dasar semasa di peringkat negeri dan persekutuan dengan mengambil kira input daripada hasil pemantauan dan kajian semula Rancangan Fizikal Negara (RFN) yang dibuat setiap lima (5) tahun.



Rajah 3.1: Kaedah Penentuan Penyediaan LPPFN

3.1 TUJUAN PENYEDIAAN LPPFN

Penyediaan LPPFN adalah untuk menilai pelaksanaan dan pencapaian setiap dasar yang terkandung di dalam RS Negeri bagi tujuan pemantauan pembangunan fizikal di samping mengenalpasti kesesuaian dasar dan inisiatif pelaksanaan secara berfasa bagi suatu RS Negeri berdasarkan perubahan semasa dan menyokong kepada Kajian Semula suatu RS Negeri atau Pengubahan RS Negeri boleh dibuat berdasarkan peruntukan subseksyen 11, Akta 172. Sesuatu RS Negeri hendaklah dikaji semula setiap lima (5) tahun seiring dengan penyediaan rancangan pembangunan lima (5)

tahun negeri. Keperluan terhadap penyediaan LPPFN di peringkat negeri mengambil kira justifikasi sebagai asas rujukan dan panduan utama bagi menilai keberkesanan pelaksanaan dasar dan cadangan strategi serta bertindak sebagai dokumen penting dan asas rujukan kepada PBN bagi penilaian inisiatif pelaksanaan mengikut fasa pembangunan suatu RS Negeri sehingga ke peringkat keputusan untuk kajian semula RS Negeri.

Tujuan penyediaan LPPFN ini untuk:

- a. Mengenalpasti indikator pengukuran pelaksanaan setiap dasar bagi fasa pelaksanaan yang dikaji yang terdapat dalam RS Negeri;
- b. Mengenalpasti pencapaian pelaksanaan dasar dan projek yang terdapat di dalam fasa pelaksanaan yang dikaji suatu RS Negeri;
- c. Merangka satu kerangka penilaian pelaksanaan dan pencapaian setiap dasar yang terkandung bagi fasa pelaksanaan yang dikaji di dalam RS Negeri;
- d. Mengenalpasti kekuatan dan kelemahan setiap dasar yang terdapat bagi fasa pelaksanaan yang dikaji bagi suatu RS Negeri serta justifikasi ketidakbolehan pelaksanaan dasar tersebut; dan
- e. Mengemaskini kesesuaian dasar dan inisiatif pelaksanaan bagi fasa pelaksanaan yang dikaji untuk suatu RS Negeri.

Sehubungan itu, penyediaan LPPFN adalah sebagai satu mekanisme dalam mengenalpasti petunjuk output / *outcome* bagi pengukuran pelaksanaan setiap dasar. Kaedah penyediaan laporan ini adalah bergantung kepada kemampuan Kerajaan Negeri sama ada secara lantikan perunding ataupun dibuat secara *in-house* oleh PLANMalaysia Negeri dan diintegrasikan dengan model pemantauan dalam sistem MUO.

3.2 PENDEKATAN KAJIAN

Terdapat beberapa kaedah penyediaan yang dicadangkan menjadi asas kepada pembentukan kerangka petunjuk output sebagai pengukuran dengan menggunakan kaedah kajian literatur, sesi libat urus bersama jabatan / agensi dan sesi FGD. Dalam menyediakan sesuatu laporan, sesi perbincangan bersama pihak-pihak berkepentingan sangat penting untuk menentukan kesesuaian inisiatif pelaksanaan, kesediaan data serta keutamaan dasar-dasar yang terdapat di dalam RS Negeri yang akan memberi panduan ke atas pemberat kepada pengukuran prestasi pencapaian RS Negeri.

Penyediaan LPPFN juga dicadangkan kepada setiap negeri samada secara manual mahupun penggunaan sistem. Kaedah penyediaan adalah bergantung kepada keupayaan dan peruntukan Kerajaan Negeri tersebut. Cadangan pembangunan sistem adalah untuk memudahkan proses pengumpulan data agensi dan secara tidak langsung memberi status kemajuan dengan lebih cepat. Penggunaan teknologi ICT yang baik pasti akan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan serta produktiviti yang sangat baik terhadap sesebuah agensi yang terlibat.

Panduan LPPFN yang disediakan ini akan memperincikan kaedah penyediaan secara manual dan sistem MUO yang merangkumi tempoh penyediaan dan program kerja LPPFN dan proses penyediaan LPPFN.

3.2.1 Tempoh Penyediaan dan Program Kerja LPPFN

a. Penyediaan LPPFN Secara Manual

Penyediaan LPPFN ini melibatkan tiga (3) peringkat utama iaitu peringkat mobilisasi, peringkat penyediaan LPPFN serta peringkat pemakluman dan persetujuan sebagaimana **Rajah 3.2**. Pada peringkat 1, tempoh mobilisasi yang dicadangkan adalah selama tiga (3) bulan, mengambil kira penyediaan Kertas Cadangan dan Terma Rujukan untuk kelulusan dan perakuan oleh Mesyuarat JPN.

Peringkat 2 adalah penyediaan LPPFN yang melibatkan penghasilan dua (2) laporan utama iaitu Penyediaan Draf Awal LPPFN dan Draf Akhir LPPFN. Peringkat ini dicadangkan selama enam (6) bulan mengambil kira tempoh pengumpulan data daripada agensi pelaksana dan keperluan penilaian indikator. Walau bagaimanapun, tempoh penyediaan LPPFN ini adalah bergantung kepada situasi semasa pembangunan sesebuah negeri selaras dengan persetujuan dan arahan daripada Mesyuarat JPN.

Peringkat 3 pula adalah melibatkan persetujuan dan makluman Draf LPPFN. Peringkat ini mengambil tempoh selama tiga (3) bulan dengan mengambil kira dua (2) mesyuarat utama iaitu persetujuan Draf LPPFN di peringkat Mesyuarat JPN dan makluman di Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP) PLANMalaysia. Tempoh penyediaan LPPFN yang dicadangkan selama enam (6) bulan adalah tidak mengambil kira tempoh

di peringkat mobilisasi serta peringkat kelulusan dan makluman. Perincian aktiviti di setiap peringkat adalah sebagaimana di **Jadual 3.1**.

b. Penyediaan LPPFN Secara Sistem

Terdapat dua (2) kaedah untuk menyediakan LPPFN secara sistem iaitu :

i. Pembangunan Sistem LPPFN Sendiri

PLANMalaysia Negeri boleh membangunkan sistem LPPFN melalui peruntukan yang disediakan oleh PBN. Namun begitu, sistem tersebut perlu diintegrasikan kepada sistem MUO di bawah Modul Pemantauan Rancangan Pemajuan.

ii. Integrasi Bersama Sistem MUO

LPPFN secara sistem juga boleh dibuat terus melalui model Pemantauan Rancangan Pemajuan di dalam Sistem MUO. Pegawai bertanggungjawab di PLANMalaysia Negeri akan dilantik sebagai pentadbir sistem bagi membolehkan pengisian data dan analisis dibuat selaras panduan / manual yang disediakan oleh MUO.

Semua PLANMalaysia Negeri perlu membuat integrasi sistem LPPFN ke dalam sistem MUO bagi membolehkan pencapaian pelaksanaan semua RS di Semenanjung Malaysia dapat dipaparkan di *dashboard* MUO untuk paparan umum. Selain itu, maklumat pencapaian pelaksanaan semua RS akan menjadi input penting kepada LPP yang akan dilaporkan kepada Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN).

Pemantauan tempoh penyediaan dan program kerja LPPFN secara sistem bagi tujuan penyediaan laporan LPPFN boleh dibahagikan kepada tiga (3) peringkat utama sebagaimana **Rajah 3.3**. Pada peringkat 1, tempoh mobilisasi yang dicadangkan adalah selama satu (1) bulan, mengambil kira penyediaan Kertas Cadangan / Terma Rujukan (jika perlu) untuk persetujuan oleh Mesyuarat JPN.



Pada peringkat 2, perolehan data dan penyediaan LPPFN dicadangkan adalah selama enam (6) bulan dengan mengambil kira pengumpulan data dan verifikasi data. Data-data ini akan dikemaskini oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat, agensi teknikal dan agensi pelaksana melalui sistem yang dibangunkan oleh PLANMalaysia Negeri.

Peringkat 3 pula melibatkan persetujuan dan makluman Draf LPPFN. Peringkat ini mengambil tempoh selama tiga (3) bulan dengan mengambil kira dua (2) mesyuarat utama iaitu persetujuan di Mesyuarat JPN dan makluman di Mesyuarat JPP PLANMalaysia. Perincian aktiviti di setiap peringkat adalah sebagaimana di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.1: Program Kerja Terperinci Penyediaan LPPFN Secara Manual

BIL	PERINGKAT	MOBILISASI	BULAN																								PERSETUJUAN & MAKLUMAN			
			PERTAMA				KEDUA				KETIGA				KEEMPAT				KELIMA				KEENAM							
			1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4				
A	PERINGKAT 1: MOBILISASI (3 bulan)																													
1.	Penyediaan Kertas Cadangan LPPFN dan Terma Rujukan	3 bulan sebelum memulakan kajian																												
2.	Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN)																													
3.	Pelantikan Perunding (jika perlu)																													
4.	Mesyuarat Pengenalan Perunding																													
B	PERINGKAT 2: PENYEDIAAN LPPFN (6 bulan)																													
5.	Penyediaan Draf Awal LPPFN (3 bulan)																													
6.	FGD Bil 1																													
7.	Serahan Draf Awal LPPFN (Draf Pertama)																													
8.	Mesyuarat Pasukan Teras Bil. 1																													
9.	Mesyuarat Pasukan Kajian Kerja Bil.1																													
10.	Pindaan/serahan Draf Awal LPPFN (Draf Kedua)																													
11.	Pindaan / serahan Draf Awal LPPFN (Draf Akhir)																													
12.	Penyediaan Draf Akhir LPPFN (3 bulan)																													
13.	FGD Bil 2																													
14.	Serahan Draf Akhir LPPFN (Draf Pertama)																													
15.	Mesyuarat Pasukan Teras Bil. 2																													
16.	Mesyuarat Pasukan Kajian/ Kerja Bil. 2																													
17.	Pindaan / serahan Draf Akhir LPPFN (Draf Kedua)																													
18.	Mesy. JK Pemantauan Bil. 1																													

Jadual 3.1: Program Kerja Terperinci Penyediaan LPPFN Secara Manual (Samb...)

BIL	PERINGKAT	MOBILISASI	BULAN																								PERSETUJUAN & MAKLUMAN
			PERTAMA				KEDUA				KETIGA				KEEMPAT				KELIMA				KEENAM				
			1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	
19.	Pindaan / serahan Draf Akhir LPPFN (Draf Akhir)																										
C	PERINGKAT 3: PERSETUJUAN DAN MAKLUMAN (3 bulan)																										
1.	Mesyuarat JPN (Persetujuan)																										3 bulan selepas serahan draf akhir
2.	Mesyuarat JPP PLANMalaysia (Makluman)																										

Nota:



Tempoh perkhidmatan perunding



Serahan laporan / dokumen dan kelulusan mesyyuarat

Jadual 3.2: Program Kerja Terperinci Penyediaan LPPFN Melalui Sistem

BIL	PERINGKAT	MOBILISASI	BULAN																								PERSETUJUAN & MAKLUMAN
			PERTAMA				KEDUA				KETIGA				KEEMPAT				KELIMA				KEENAM				
			1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	
1. PENDAFTARAN SISTEM PEMANTAUAN LPPFN DAN PENGEMASKINIAN DATA OLEH PLANMALAYSIA NEGERI DAN AGENSI-AGENSI UTAMA																											
2. PENYELARASAN PROGRAM KERJA PENYEDIAAN LPPFN MELALUI SISTEM																											
A	PERINGKAT 1: MOBILISASI (1 bulan)																										
1.	Penyediaan Kertas Cadangan LPPFN / Terma Rujukan(jika perlu)	1 bulan																									
2.	Mesyuarat JK Perancang Negeri (JPN)																										
B	PERINGKAT 2: PENYEDIAAN LPPFN (6 bulan)																										
1.	Pengumpulan Data (2 bulan)																										
2.	Mesyuarat Pasukan Teras Bil. 1																										
3.	Verifikasi Data (2 bulan)																										
4.	FGD																										
5.	Mesyuarat Pasukan Teras Bil. 2																										
6.	Mesyuarat Pasukan Kajian/Kerja Bil.1																										
7.	Pengemaskinian Data & Penjanaan Laporan Akhir (2 bulan)																										
8.	Serahan Draf Akhir LPPFN (Draf Pertama)																										
9.	Mesyuarat Pasukan Teras Bil. 3																										
10.	Mesyuarat Pasukan Kajian/ Kerja Bil. 2																										
11.	Mesy. JK Pemantauan Bil. 1																										
12.	Pindaan / serahan Draf Akhir LPPFN (Draf Akhir)																										
C	PERINGKAT 3: PERSETUJUAN DAN MAKLUMAN (3 bulan)																										
1.	Mesyuarat JPN (Persetujuan)																										3 bulan
2.	Mesyuarat JPP PLANMalaysia (Makluman)																										

Nota :  Tempoh perkhidmatan perunding

 Serahan laporan / dokumen dan kelulusan mesyuarat

3.2.2 Proses Penyediaan LPPFN

a. Penyediaan LPPFN Secara Manual

Dalam penyediaan LPPFN secara manual, melibatkan tiga (3) peringkat utama sebagaimana carta alir di Rajah 3.2.

Peringkat 1: Mobilisasi (3 bulan)

Peringkat mobilisasi melibatkan kerja-kerja awalan oleh pasukan kajian bagi penyediaan LPPFN bagi kedua-dua proses. Dokumen / laporan dan keperluan utama bagi peringkat ini adalah:

Jadual 3.3: Penerangan Proses Kerja Bagi Peringkat 1: Mobilisasi (Manual)

PERINGKAT	PENERANGAN
Penyediaan Kertas Cadangan	a. Kertas cadangan bersama Terma Rujukan perlu disediakan dan diangkat oleh Pengarah PLANMalaysia Negeri untuk menyatakan hasrat dan cadangan bagi menyediakan LPPFN untuk suatu RS yang telah diwartakan selepas dua (2) tahun; b. Ia perlu dikemukakan ke Mesyuarat JPN untuk mendapatkan persetujuan bagi kandungan dan peruntukan kewangan; dan c. Kertas Cadangan dan Terma Rujukan ini disediakan untuk memandu arah dan menjadi rujukan utama semasa penyediaan LPPFN. d. Terma Rujukan i. Terma Rujukan ini mengandungi penerangan ringkas projek meliputi pengenalan kawasan projek, pernyataan isu, masalah dan potensi awal, matlamat dan objektif kajian, skop kajian, faedah dan <i>outcome</i>/hasil projek, bentuk dan perincian kandungan projek serta organisasi pengurusan, tempoh projek, peruntukan kewangan projek dan pelantikan perunding jika perlu. ii. Terma Rujukan ini juga mengandungi asas pertimbangan bagi permohonan kos, peruntukan kewangan dan pelantikan perunding; dan iii. Menetapkan perkara yang perlu dipatuhi semasa penyediaan projek.

Peringkat 2: Penyediaan LPPFN (6 bulan)

Proses seterusnya adalah penyediaan LPPFN yang melibatkan penghasilan dua (2) jenis laporan iaitu Draf Awal LPPFN dan Draf Akhir LPPFN. Keperluan utama dokumen / laporan bagi peringkat ini adalah:

Jadual 3.4: Penerangan Proses Kerja Bagi Peringkat 2: Penyediaan LPPFN (Manual)


PERINGKAT	PENERANGAN
Penyediaan LPPFN	a. Draf Awal LPPFN (3 bulan) i. Penyediaan Draf Awal LPPFN mengambil masa selama tiga (3) bulan. ii. Laporan ini mengandungi tujuan, matlamat, objektif, skop dan metodologi kajian serta kaedah analisis dalam menghasilkan output yang dikehendaki. iii. Laporan ini juga merangkumi carta alir dan rangka kerja, jangka masa atau proses kajian dijalankan serta agensi pelaksana atau pihak berkepentingan. iv. Dasar pembangunan wilayah, negeri dan daerah akan diterjemahkan bagi mengkaji peranan setiap fungsi serta strategi yang dilaksanakan. v. Pengumpulan maklumat-maklumat sekunder yang diperolehi dari agensi berkaitan akan dikumpulkan dan dianalisis berdasarkan kepada inisiatif pelaksanaan, indikator, strategi pembangunan, output dan <i>outcome</i> yang telah digariskan di dalam RS Negeri. vi. Indikator atau strategi pembangunan yang telah digariskan di dalam RS Negeri akan dijadikan kerangka untuk menilai pelaksanaan dan pencapaian di setiap dasar yang terkandung di dalam RS Negeri di peringkat Draf Akhir. vii. Ia perlu dibawa ke Mesyuarat Pasukan Teras dan Mesyuarat Pasukan Kajian/Kerja bagi mendapatkan persetujuan untuk meneruskan kajian ke peringkat seterusnya.
	b. Draf Akhir LPPFN (3 bulan) i. Peringkat Laporan Draf Akhir LPPFN merupakan peringkat terakhir yang mana mengambil masa selama tiga (3) bulan. ii. Hasil penemuan LPPFN diklasifikasikan sebagai sebagai Capai (C), Belum Capai (BC) dan Tidak Capai (TC). iii. Ia perlu dibawa ke Mesyuarat Pasukan Teras dan Mesyuarat Pasukan Kajian/Kerja seterusnya ke Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan bagi mendapatkan kelulusan.

Peringkat 3: Persetujuan dan Makluman (3 bulan)

Peringkat ini melibatkan peringkat persetujuan dan makluman. Draf LPPFN yang telah diluluskan di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan akan di bawa ke Mesyuarat JPN untuk persetujuan sebagaimana jadual di bawah.

Jadual 3.5: Penerangan Proses Kerja Bagi Peringkat 3: Persetujuan dan Makluman (Manual)

PERINGKAT	PENERANGAN
Persetujuan dan Makluman	a. Draf akhir LPPFN akan dibentangkan di Mesyuarat JPN untuk persetujuan terhadap hasil pemantauan dan dijadikan asas kepada kajian semula atau perubahan sesuatu RS Negeri. b. Seterusnya, ia akan dibawa ke Mesyuarat JPP, PLANMalaysia untuk makluman.



Rajah 3.2 : Proses Kerja Penyediaan LPPFN Secara Manual

Nota : Penyediaan LPPFN disediakan selepas tempoh dua (2) tahun pewartaan bagi suatu RS Negeri dan menyokong kepada penyediaan Kajian semula bagi suatu RS Negeri yang telah mencapai lima (5) tahun pewartaan. Bagi suatu RS Negeri yang masih tidak menyediakan Kajian Semula RS, proses penyediaan LPPFN ini akan berulang mengikut tempoh masa yang ditetapkan sehingga suatu RS itu dibuat kajian semula.

b. Penyediaan LPPFN Secara Sistem

Pemantauan pelaksanaan sistem ini boleh dilaksanakan setiap tahun kerana data yang dijana akan dibekalkan oleh agensi-agensi berkaitan yang melibatkan tiga (3) peringkat utama sebagaimana carta alir di **Rajah 3.2**.

Peringkat 1: Mobilisasi (1 bulan)

Peringkat ini melibatkan kerja-kerja awalan oleh pasukan kajian dalam penyediaan dokumen / laporan dan keperluan utama sebagaimana **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6: Penerangan Proses Kerja Bagi Peringkat 1: Mobilisasi (Sistem)

PERINGKAT	PENERANGAN
Penyediaan Kertas Cadangan	a. Kertas cadangan /Terma Rujukan (jika perlu) perlu disediakan dan diangkat oleh Pengarah PLANMalaysia Negeri untuk menyatakan hasrat dan cadangan bagi menyediakan laporan LPPFN melalui sistem setiap tahun sepanjang tempoh perancangan. Laporan ini juga mengandungi kaedah pengumpulan data dan penyediaan LPPFN bagi tempoh enam (6) bulan yang dirancang. b. Ia perlu dikemukakan ke Mesyuarat JPN untuk mendapatkan persetujuan bagi indikator dasar LPPFN yang dikaji. c. Kertas Cadangan /Terma Rujukan (jika perlu) ini disediakan untuk memandu arah dan menjadi rujukan utama semasa penyediaan LPPFN.

Peringkat 2: Pengumpulan Data dan Penyediaan LPPFN (6 bulan)

Poses penyediaan LPPFN bermula dengan pengumpulan data yang mengambil masa dua (2) bulan. Data-data yang diperolehi akan disahkan melalui proses verifikasi bersama-sama agensi pembekal data. Data yang dimuktamadkan akan dikemaskini dan dianalisis untuk penjaan laporan. Perincian bagi peringkat ini adalah sebagaimana **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7: Penerangan Proses Kerja Bagi Peringkat 2: Pengumpulan Data dan Penyediaan LPPFN (Sistem)

PERINGKAT	PENERANGAN
Pengumpulan Data dan Penyediaan LPPFN	a. Pengumpulan Data (2 bulan) i. Proses pengumpulan data mengambil masa selama dua (2) bulan. Data-data ini akan dikumpul daripada agensi-agensi pelaksana dasar/ projek berdasarkan kepada kandungan RS Negeri masing-masing yang diintegrasikan dengan sistem MUO. ii. Pengumpulan data ini akan dilaksanakan oleh Pasukan Teras.
	b. Verifikasi Data (2 bulan) i. Seterusnya data-data yang telah diperolehi, proses verifikasi data akan dijalankan bagi mengesahkan data-data yang dibekalkan tepat untuk menilai tahap pelaksanaan dasar melalui indikator yang telah digariskan. ii. Proses verifikasi data akan dijalankan melalui sesi FGD dan dimuktamadkan dalam Mesyuarat Pasukan Kajian. iii. Indikator atau strategi pembangunan yang telah disediakan di dalam RS Negeri akan dijadikan kerangka untuk menilai pelaksanaan tahap pencapaian di setiap dasar yang terkandung di dalam RS Negeri di peringkat Draf Akhir.
	c. Pengemaskinian Data dan Penjanaan Laporan (2 bulan) i. Data-data yang telah dimuktamadkan akan dikemaskini dan dianalisis di dalam sistem pemantauan yang telah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri. ii. Hasil analisis diklasifikasikan sebagai Capai (C), Belum Capai (BC) dan Tidak Capai (TC) dan akan dikemukakan melalui penjanaan laporan yang dikenali sebagai LPPFN. iii. LPPFN yang dijana melalui sistem ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan untuk kelulusan.

Peringkat 3: Persetujuan dan Makluman (3 bulan)

Peringkat ini melibatkan peringkat persetujuan oleh Mesyuarat JPN dan makluman kepada Mesyuarat JPP PLANMalaysia sebagaimana jadual di bawah.

Jadual 3.8: Penerangan Proses Kerja Bagi Peringkat 3: Persetujuan dan Makluman (Sistem)

PERINGKAT	PENERANGAN
Persetujuan dan Makluman	a. Draf LPPFN yang diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan akan dibawa ke Mesyuarat JPN untuk persetujuan terhadap hasil pemantauan dan dijadikan asas kepada kajian semula atau pengubahan sesuatu RS Negeri sekiranya telah mencapai tempoh lima (5) tahun. b. Seterusnya, ia akan dibawa ke Mesyuarat JPP, PLANMalaysia untuk makluman.

PERINGKAT 1 :

MOBILISASI

(1 bulan)

Rancangan Struktur Negeri (RSN)

Sistem yang telah diintegrasikan
dengan RS Negeri

Kertas Cadangan / Terma Rujukan

Nota : Bagi RS Negeri yang telah diintegrasikan dengan sistem MUO. Proses pendaftaran pentadbir dan pengguna sistem adalah tidak termasuk di dalam peringkat mobilisasi penyediaan LPPFN.

PERINGKAT 2 :

**PEROLEHAN DATA DAN
PENYEDIAAN LPPFN**

(6 bulan)

Pengumpulan Data

Pasukan Teras

Verifikasi Data

Pasukan Teras/ Pasukan Kajian

Pengemaskinian Data & Penjanaan
Laporan

Pasukan Teras

Keputusan

Capai

Belum Capai

Tidak Capai

Mesyuarat JK Pemantauan
untuk Kelulusan

Tempoh Penyediaan LPPFN

PERINGKAT 3 :

**PERSETUJUAN &
PEMAKLUMAN**

Mesyuarat JPN
untuk Persetujuan

Mesyuarat JPP PLANMalaysia
untuk Makluman

Pengubahan

Kajian Semula

Selepas 5 tahun

Rajah 3.3: Proses Kerja Penyediaan LPPFN Secara Sistem

Nota : Penyediaan LPPFN secara sistem disediakan selepas tempoh dua (2) tahun pewartan bagi suatu RS Negeri dan menyokong kepada penyediaan Kajian semula bagi suatu RS Negeri yang telah mencapai lima (5) tahun pewartan. Bagi suatu RS Negeri yang masih tidak menyediakan Kajian Semula RS, proses penyediaan LPPFN secara sistem ini adalah berterusan setiap tahun sehingga suatu RS itu dibuat kajian semula.

3.3 PEMANTAUAN DAN PENILAIAN PELAKSANAAN DASAR DAN PROJEK RS NEGERI

3.3.1 Skop Pemantauan

Bahagian ini memperincikan tentang panduan terhadap perkara-perkara yang perlu dipantau dalam membuat penilaian pencapaian suatu RS Negeri. Penentuan skop pemantauan penting untuk memandu arah PBN dalam memastikan penilaian yang dibuat adalah seragam dan selaras antara semua negeri yang telah menyediakan RS Negeri.

a. Tujuan Pemantauan

Manual RS Versi 2021 telah menggariskan bahawa setiap RS Negeri yang telah diwartakan perlu dinilai dan dipantau selepas mencukupi tempoh dua (2) tahun pelaksanaannya. Tujuan pemantauan RS Negeri adalah:

- i. Menilai tahap atau status pencapaian pelaksanaan dasar, strategi dan cadangan projek / program;
- ii. Menilai keberkesanan hala tuju strategik dan inisiatif pelaksanaan RS Negeri dalam bentuk *outcome* dan impak;
- iii. Memudahkan penyelarasan dan menyeragamkan pelaporan status pelaksanaan RS Negeri oleh PBN di peringkat nasional;
- iv. Memantau status pencapaian pelaksanaan cadangan pembangunan oleh jabatan atau agensi pelaksana;
- v. Menjadi asas rujukan PBN bagi menilai cadangan perancangan pembangunan baharu dan peruntukan yang dimohon oleh jabatan / agensi pelaksana secara tahunan; dan
- vi. Menjadi asas kepada kajian semula atau pengubahan RS Negeri.

b. Panduan Skop Pemantauan

Kandungan, kerangka dan format pembentukan hala tuju strategik RS Negeri yang telah disediakan antara negeri adalah berbeza antara satu sama lain. Panduan ini akan bertindak sebagai *blue print* untuk menyeragam dan menyelaraskan skop-skop yang terlibat dalam pemantauan dan penilaian pencapaian RS Negeri. Skop pemantauan yang ditetapkan perlu bersifat boleh diukur sama ada dari segi fizikal, masa, kos, bilangan dan peratusan.

Semua *stakeholders* yang terlibat dalam penyediaan RS Negeri perlu disenaraikan untuk melihat jumlah *stakeholders* yang menggunakan RS Negeri melalui platform yang ada di jabatan / agensi masing-masing. Kriteria pemilihan skop adalah berdasarkan kepada Manual RS Versi 2021 yang diterbitkan pada 31 Mac 2022. Skop pemantauan yang ditetapkan perlu memenuhi ciri-ciri **SMART** (*Specific, Measureable, Achievable, Relevant and Time - Bound*). Perincian prinsip SMART adalah sebagaimana **Rajah 3.4**.

S	M	A	R	T
Specific	Measureable	Achievable	Relevant	Time - Bound
Perlu amat terperinci untuk capai matlamat yang ditetapkan	Tetapkan matlamat yang boleh diukur untuk kesan dan ukur kemajuan	Matlamat realistik tetapi mencabar yang munasabah untuk dicapai	Selaraskan matlamat dengan bidang dan dasar yang terlibat	Tetapkan matlamat berdasarkan tarikh dan fasa yang disaarkan
Contoh : Kenaikan hasil pendapatan negeri	Contoh : Sifar kemiskinan 100% penduduk bekerja	Contoh : Peningkatan 20% bilangan pelancong	Contoh : Dasar rumah mampu milik negeri terkini	Contoh : Negeri Pintar menjelang tahun 2050

Sumber: TechTarget, Google, 2021

Rajah 3.4: Terjemahan Prinsip SMART

Semua data-data yang dikumpul untuk penilaian pencapaian mestilah tepat mengikut sektor kajian yang telah digariskan dalam suatu RS Negeri yang perlu berteraskan kepada prinsip SMART dan boleh diukur melalui teknik-teknik analisis yang sesuai sama ada teknik kuantitatif dan '*sive map*'.

Terdapat tiga (3) skop pemantauan yang perlu diambil kira dalam menilai tahap pencapaian RS Negeri. Skop tersebut meliputi perkara berkaitan tahap penerimaan RS Negeri oleh *stakeholders*, pelaksanaan dasar-dasar, langkah-langkah, strategi pembangunan fizikal, indikator pencapaian / unjuran / *Key Performance Index* (KPI), projek / program pembangunan, impak pelaksanaan dan input untuk tujuan pengubahan atau kajian semula suatu RS Negeri berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Perincian aspek penilaian skop pemantauan adalah sebagaimana **Rajah 3.4**.

Jadual 3.9: Skop Utama Pemantauan RS Negeri

	SKOP	ASPEK PENILAIAN
1	TAHAP PENERIMAAN DAN PEMAKAIAN RS	Mengukur tahap penerimaan RS Negeri oleh <i>stakeholders</i> dan jabatan / agensi pelaksana melalui pemilikan dokumen dan rujukan terhadap dokumen RS Negeri.
2	TAHAP PELAKSANAAN RS :	
	i. Pelaksanaan Dasar Umum, Dasar Subjek dan Langkah-langkah;	Memantau dan mengukur tahap pelaksanaan dasar – dasar umum, dasar subjek dan langkah – langkah pelaksanaan oleh <i>stakeholders</i> dan jabatan / agensi pelaksana
	ii. Penilaian Strategi Pembangunan Fizikal	Menilai strategi pembangunan fizikal melalui kajian terhadap tren pembangunan.
	iii. Penilaian Indikator Pencapaian / Unjuran / KPI	Menilai dan mengkaji pencapaian unjuran perbandingan dengan keadaan semasa.
	iv. Status pelaksanaan projek atau program pembangunan	Menjadi asas kepada kajian semula atau pengubahan suatu RS Negeri.
	v. Penyelesaian Isu – Isu Utama Perancangan	Melihat kepada pencapaian penyelesaian isu – isu utama perancangan yang berkaitan dengan dasar – dasar RS Negeri seperti banjir, alam sekitar dan lain-lain.
3	IMPAK PELAKSANAAN RS NEGERI	Mengkaji impak pelaksanaan RS Negeri melalui perubahan keluasan kawasan pembangunan.

Penilaian pencapaian adalah berdasarkan kepada skop pemantauan yang digariskan tersebut. Walau bagaimanapun, tertakluk kepada PBN untuk membuat penilaian mengikut kaedah yang sesuai berdasarkan kepada isu dan fokus matlamat masing-masing. RS Negeri yang disediakan perlu mempunyai indikator / KPI yang boleh diukur untuk membuat penilaian pencapaian. Sekiranya suatu RS Negeri bagi negeri tersebut tidak mempunyai indikator, perlu mewujudkan indikator yang boleh diukur agar penilaian dan pemantauan boleh dilakukan agar output / hasil penilaian dapat dirumuskan secara kuantitatif.

1. Tahap Penerimaan dan Pemakaian RS

Tahap penerimaan RS Negeri perlu dibuat untuk melihat sejauh mana suatu RS Negeri tersebut diterima pakai oleh *stakeholders* iaitu pemilik RS Negeri iaitu PBN atau jabatan / agensi teknikal kerajaan sama ada sebagai rujukan atau asas untuk membuat keputusan. Panduan penilaian tahap penerimaan RS Negeri adalah sebagaimana **Jadual 3.10**.

Jadual 3.10: Matriks Contoh Panduan Pemantauan bagi Penilaian Tahap Penerimaan RS Negeri oleh *Stakeholders*

BIL.	STAKEHOLDERS / JABATAN / AGENSI PELAKSANA	SIMPANAN DOKUMEN RS	KEKERAPAN PENGGUNAAN DALAM TEMPOH 2 TAHUN	SKOP PEMAKAIAN	CATATAN
1	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri (PLANMalaysia Negeri)	Ada / Tiada	2200 fail (2 Kali/ Bulan)	Kebenaran Merancang	Diselaraskan dengan mesyuarat OSC PBT dan ulasan projek khas
2	Semua PBT di Negeri Masing – Masing	Ada / Tiada	2200 fail (2 Kali/ Bulan)	Kebenaran Merancang	Mesyuarat OSC/ JK Perancangan dan Pembangunan PBT
3	Pejabat Tanah dan Galian	Ada / Tiada	430 fail (2 Kali/ Bulan)	Mesyuarat EXCO (Pengambilan Tanah dan Perancangan Tanah Kerajaan)	Dasar Pemilikan Tanah dan Pembangunan Bandar Baharu
4	Pejabat Tanah dan Daerah / Jajahan	Ada / Tiada	211 fail (1 Kali/ Bulan)	Mesyuarat Pengambilan Tanah dan Perancangan Tanah Kerajaan	Dasar Pemilikan Tanah Negeri
5	Bahagian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Ada / Tiada	42 fail (1 Kali/ Bulan)	Mesyuarat JK Pelaburan Negeri Penentuan RMM	Dasar dan Strategi Pemilikan Rumah Mampu Milik
6	Jabatan Kebajikan Masyarakat	Ada / Tiada	Tidak Berkaitan	Mesyuarat JK Pengurusan Bencana Daerah	Tiada penggunaan RSN untuk penentuan bantuan banjir
7	Jabatan Alam Sekitar Negeri	Ada / Tiada	120 fail (2 kali/ bulan)	Kebenaran Merancang	Dasar Kawasan Sensitif Alam Sekitar
8	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri	Ada / Tiada	312 fail (2 Kali/ Bulan)	Kebenaran Merancang	Dasar Pengairan Kawasan Pertanian
9	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	Ada / Tiada	23 fail (3 kali/ tahun)	Penentuan Tapak Padang Ragut	Dasar pertanian dan penternakan negeri
10	Lain-lain <i>stakeholders</i> yang berkaitan	Jika Berkaitan	Jika Berkaitan	Jika Berkaitan	Jika Berkaitan

Nota :

Perkara dan perincian yang dimasukkan adalah hanya contoh yang boleh dijadikan panduan sahaja. PLANMalaysia Negeri / Perunding yang dilantik boleh memasukkan apa saja perincian dan skop penerimaan yang sesuai untuk dinilai tahap penerimaan.

2. Tahap Pelaksanaan RS

Tahap pelaksanaan RS ini boleh dinilai melalui 5 perkara utama iaitu :

i. Pelaksanaan Dasar Umum, Dasar Subjek dan Langkah–langkah

Penilaian terhadap dasar-dasar umum, dasar subjek, langkah-langkah (inisiatif pelaksanaan), indikator pencapaian dan status projek / program boleh dibuat melalui jadual atau matriks pengukuran yang menggabungkan keempat-empat skop pemantauan kerana pengumpulan data / maklumat boleh dihubungkan dengan petunjuk hasil / output pencapaian berdasarkan kepada sektor kajian. Panduan susunan jadual / matriks pengukuran pencapaian sebagaimana **Rajah 3.5**.

ii. Penilaian Strategi Pembangunan Fizikal

Penilaian strategi pembangunan fizikal di dalam LPPFN ini akan mengambil kira dan menilai strategi pembangunan fizikal melalui kajian terhadap tren pembangunan. Kajian ini akan melihat tren pembangunan berbanding perancangan guna tanah utama di dalam RS Negeri yang telah disediakan. Melalui kaedah ini, pelan-pelan kelulusan yang telah diberi pertimbangan oleh PBT-PBT melibatkan projek-projek berimpak tinggi / mega akan disenaraikan untuk maklumbalas oleh *stakeholders* dan jabatan / agensi pelaksana. Hasil utama output bagi LPPFN ini akan menghasilkan potensi pembangunan keseluruhan bagi guna tanah RS Negeri sebagaimana **Rajah 3.5**.


iii. Penilaian Indikator Pencapaian / Unjuran / KPI

Penyenaraian indikator pencapaian / unjuran / KPI bagi RS Negeri merupakan satu pengukuran penting bagi menilai dan mengkaji pencapaian unjuran bagi semua teras, hala tuju pembangunan, inisiatif pelaksanaan, indikator dan output / *outcome* mengikut RS Negeri yang disediakan mengikut unjuran perbandingan dengan keadaan semasa. Pengukuran / unjuran / KPI ini disediakan bagi melihat sejauh mana perancangan bagi sesebuah dokumen RS Negeri itu telah dilaksanakan dan penilaian ini disediakan melalui kaedah borang soal selidik dan penetapan sasaran / formula yang telah disediakan bagi tujuan penilaian setiap output / *outcome* yang dirancang. Hasil penilaian ini akan menggariskan satu pendekatan bagi melihat

keperluan kajian semula RS Negeri atau perubahan RS Negeri yang melibatkan penambahbaikan dasar / teras, hala tuju pembangunan, inisiatif pelaksanaan, indikator dan output / *outcome* bagi sesebuah dokumen RS Negeri sebagaimana **Rajah 3.5**.

iv. Status Pelaksanaan Projek atau Program Pembangunan

Status pelaksanaan projek atau program pembangunan yang diterjemahkan melalui teras, hala tuju pembangunan, inisiatif pelaksanaan, indikator dan output / *outcome* mengikut RS Negeri yang telah disediakan akan dipantau bagi melihat status pelaksanaan cadangan-cadangan projek atau program pembangunan yang terdapat dalam RS Negeri mengikut jabatan / agensi pelaksana. Bagi pengumpulan data status pelaksanaan projek / program, penggunaan borang akan disediakan mengikut indikator dan output / *outcome* yang telah disediakan mengikut agensi-agensi pelaksana bagi melihat dan memantau keberhasilan perancangan yang telah disediakan. Hasil pemantauan projek-projek ini akan melihat peratus pencapaian status pelaksanaan projek / program pembangunan yang telah dirancang mengikut fasa-fasa pelaksanaan yang dikaji sebagaimana **Rajah 3.5**.



Rajah 3.5 : Panduan Asas Susunan Matriks Pengukuran Penilaian Dasar, Strategi Pembangunan, Langkah-langkah (Inisiatif Pelaksanaan), Indikator Pencapaian dan Status Projek

v. Penyelesaian Isu-isu Utama Perancangan

Skop pemantauan ini juga merangkumi penyelesaian isu-isu utama perancangan yang berkaitan dasar-dasar RS Negeri seperti banjir, alam sekitar dan lain-lain. Rumusan pencapaian LPPFN bagi RS Negeri yang melaksanakannya akan melihat dan mengenalpasti projek-projek pembangunan yang telah diluluskan dan disiapkan mengikut fasa-fasa pelaksanaan.

3. Impak Pelaksanaan RS Negeri

Penilaian impak pelaksanaan perlu disediakan bagi melihat dan mengkaji impak pelaksanaan RS Negeri melalui perubahan keluasan kawasan pembangunan. Projek-projek berimpak tinggi dan projek-projek lain yang telah dirancang dan dilaksanakan melalui output yang disediakan oleh RS Negeri akan dinilai melalui perubahan guna tanah mengikut fasa-fasa pelaksanaan yang telah ditetapkan. Pemantauan impak perubahan guna tanah sebagaimana **Jadual 3.11**.

Jadual 3.11: Contoh Borang Penilaian Impak Pelaksanaan Selepas Dua (2) Tahun Pelaksanaan (RS) (2022-2024)

BIL.	SEKTOR GUNA TANAH	FASA PELAKSANAAN			LUAS GUNA TANAH SEMASA (TAHUN 2022)	LUAS CADANGAN GUNA TANAH (TAHUN 2024)	JUMLAH PERBEZAAN KELUASAN	IMPAK PERUBAHAN	CATATAN	PERATUS PENCAPAIAN (%)
		I	II	III						
1.	Perumahan	✓			128,456 hektar	140,000 hektar	11,554 hektar	Bertambah (+)	Sasaran Pencapaian Tahun 2050 adalah seluas 258, 123 Hektar	54.24%
2.	Komersial	✓			45,689 hektar	78,436 hektar	32,747 hektar	Bertambah (+)	Sasaran Pencapaian Tahun 2050 adalah seluas 125,430 Hektar	62.53%
3.	Industri	✓			18,879 hektar	23,654 hektar	25,228 hektar	Bertambah (+)	Sasaran Pencapaian Tahun 2050 adalah seluas 85,242 Hektar	25.60%
4.	Perhutanan	✓			236,869 hektar	201,200 hektar	35,669 hektar	Berkurang (-)	Sasaran Pencapaian Tahun 2050 adalah seluas 424,591 hektar	47.39%
5.	Pertanian	✓			221,982 hektar	242,331 hektar	20,349 hektar	Bertambah (+)	Sasaran Pencapaian Tahun 2050 adalah seluas 397,656 hektar	60.94%
6.	Boleh ditambah mengikut kesesuaian kajian									

Nota : perkara dan perincian yang dimasukkan adalah hanya contoh yang boleh dijadikan panduan sahaja. Negeri boleh memasukkan apa saja perincian dan skop penerimaan yang sesuai untuk dinilai tahap penerimaan.

¹ Data dan maklumat guna tanah merupakan guna tanah tahun asas penilaian (contoh tahun penilaian 2024) perlu dikumpul dan diperolehi daripada sumber jabatan/ agensi teknikal berkaitan.

3.3.2 Penilaian Pelaksanaan Dasar Dan Projek RS Negeri

Pengukuran pencapaian pelaksanaan dasar dan projek RS Negeri merupakan antara elemen terpenting dalam panduan penyediaan LPPFN. Pengukuran ini akan menjadi satu *output* dalam menilai atau memperoleh keputusan terhadap pengubahan dan kajian semula suatu RS Negeri yang telah mencapai tempoh lima (5) tahun. Oleh itu, sebuah kerangka penilaian yang lengkap dan mengambil kira ke semua aspek-aspek penting dalam pembentukan RS Negeri perlu diwujudkan. Hal ini bagi memastikan pemantauan dan penilaian inisiatif pelaksanaan suatu RS Negeri dapat dijalankan dengan lebih cekap, berkesan dan sistematik.

Panduan asas susunan matriks pengukuran penilaian dasar akan digunakan sebagai panduan penilaian pelaksanaan dasar. Output Penilaian pencapaian dikategorikan kepada tiga iaitu Capai (C), Belum Capai (BC) dan Tidak Capai (TC) sebagaimana perincian berikut :-

- a. **Capai** : Dasar/projek yang telah dicadangkan dalam RS telah dilaksanakan sepenuhnya mengikut indikator-indikator yang telah ditetapkan;
- b. **Belum Capai** : Dasar/projek yang belum dilaksanakan, dalam proses pelaksanaan dan masih dalam tempoh fasa pembangunan yang dicadangkan; dan
- c. **Tidak Capai** : Dasar/projek yang tidak dilaksanakan dalam tempoh fasa pembangunan yang ditetapkan.

Jadual 3.12 menunjukkan panduan yang lebih jelas dalam penilaian pencapaian berdasarkan kepada kerangka penilaian. Contoh yang disertakan adalah merujuk kepada teras, hala tuju dan inisiatif daripada RS Negeri dan melibatkan sektor kajian sebagaimana yang dinyatakan dalam Manual Rancangan Struktur Versi 2021.

Jadual 3.12: Contoh Indikator Pengukuran Pencapaian dan Pemantauan Pelaksanaan Dasar dan Projek RS Negeri

DASAR	INISIATIF PELAKSANAAN	INDIKATOR PENGUKURAN	SUMBER DATA	FREKUENSI DATA	JABATAN/AGENSI BERTANGGUNGJAWAB	FASA	PENCAPAIAN PELAKSANAAN	CATATAN
MP 7: PEMBANGUNAN DALAM KAWASAN KONURBASI LEMBAH KLANG PERLU DISELARASKAN ANTARA KERAJAAN SELANGOR, DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR DAN PUTRAJAYA UNTUK MEWUJUDKAN PEMBANGUNAN BERSEPADU.	P1: Memastikan perancangan dan pembangunan bandar-bandar yang bersempadan dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya diselaraskan di dalam setiap tindakan pembangunan terutama di dalam sistem pengangkutan dan saliran.	Keselaran zon guna tanah PBT yang berjiranan	Pelan Cadangan Zon Guna Tanah PBT berjiranan	Tahunan	PLANMalaysia	Fasa 1 hingga Fasa 3	Belum Capai	Dasar ini belum dicapai memandangkan fasa pelaksanaan adalah sehingga ke fasa 3.
MM 1: CADANGAN FIZIKAL GUNA TANAH RS NEGERI MELAKA 2035 MEMANDU PERTUMBUHAN EKONOMI NEGERI	IP 1: Menggalakkan dan mempromosi Zon Pertumbuhan Negeri Melaka berdasarkan zon pembangunan ekonomi seperti berikut: - Kawasan Pembangunan Utama - Pusat Petempatan dan Koridor Pembangunan	- Peratusan kadar pertumbuhan KDNK - Peratusan peningkatan tepu bina seluruh Negeri Melaka - Peratusan kadar kemiskinan setiap PBT	- Laporan Sosioekonomi Negeri Melaka - Guna Tanah PLANMalaysia Melaka	Tahunan	- Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) - PLANMalaysia Melaka	Fasa 1	Capai	Dasar dapat dicapai kerana kesemua inisiatif pelaksanaan yang dicadangkan dapat dilaksanakan dan memberikan hasil yang sangat baik.
MM 2: MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI NEGERI MELAKA AGAR TERSENARAI SEBAGAI <i>FIRST LEAGUE DEVELOPED CITY STATE</i> MERANGKUMI EKONOMI YANG DINAMIK, PENCAPAIAN KUALITI HIDUP YANG MAKMUR,	IP 3: Mewujudkan peluang pekerjaan penuh (sifar kadar pengangguran) bagi memenuhi keperluan sumber manusia untuk sektor perindustrian melalui: - Sektor pembuatan baharu microcip. - Menggalakkan usahasama dengan universiti-universiti tempatan. - Mewujudkan institusi kajian.	- Peratusan kadar pertumbuhan tenaga buruh - Bilangan kursus yang dianjurkan untuk membantu usahawan wanita	Laporan Tahunan Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Tahunan	MARA	Fasa 1	Tidak Capai	Dasar tidak dapat dicapai kerana situasi ekonomi semasa memerlukan dasar ini disemak semula atau pemantauan.

Jadual 3.12: Contoh Indikator Pengukuran Pencapaian dan Pemantauan Pelaksanaan Dasar dan Projek RS Negeri (Samb...)

DASAR	INISIATIF PELAKSANAAN	INDIKATOR PENGUKURAN	SUMBER DATA	FREKUENSI DATA	JABATAN/AGENSI BERTANGGUNGJAWAB	FASA	PENCAPAIAN PELAKSANAAN	CATATAN
TERAS 4: MEMARTABATKAN KHAZANAH SEMULA JADI DAN WARISAN NEGERI PERAK	SP 21.1: Memastikan 50 peratus keluasan Negeri Perak dikekalkan sebagai kawasan berhutan	Keluasan tanah pertanian terbiar (hektar)	- Perbadanan Taman Negeri Perak - Jabatan Perhutanan - Jabatan Warisan Negara - Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) - Jabatan Perikanan Negeri Perak	Tahunan	- Perbadanan Taman Negeri Perak - Jabatan Perhutanan - Jabatan Warisan Negara - PERHILITAN - Jabatan Perikanan Negeri Perak	Fasa 2	Capai	Data guna tanah semasa menunjukkan peratusan keluasan kawasan berhutan melebihi sasaran yang ditetapkan.
5RSC-DK1: PENYEDIAAN KEMUDAHAN MASYARAKAT YANG BERKUALITI DAN MEMENUHI KEPERLUAN PENDUDUK	K1S1-P1: Sasaran penyediaan kemudahan pendidikan berdasarkan taburan penduduk adalah: - Sekolah Menengah: 298 unit - Sekolah Rendah: 715 unit	Peningkatan nisbah sekolah menengah kepada 1:9,000 dan sekolah rendah 1:3,000	Laporan Tahunan	Tahunan	- Bahagian Perancang Ekonomi Negeri - Jabatan Pendidikan Negeri Pahang	Fasa 1 hingga Fasa 3	Belum Capai	Dasar belum dicapai memandangkan fasa pelaksanaan adalah sehingga ke fasa 3.
RSC-DU1 PENYEDIAAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI YANG MENYELURUH DAN EFISIEN	U1S1-P1: - Melaksanakan strategi pengurangan kadar kehilangan air (NRW) dengan menggantikan paip lama kepada jenis paip yang lebih tahan lama dan lasak; - Meningkatkan sistem GIS bagi penjajaran sedia ada dan baru untuk sistem pengagihan bekalan air; - Menaik taraf serta membaik pulih loji rawatan air (LRA) sedia ada sebagai memenuhi permintaan bekalan air pada masa hadapan; dan - Menaik taraf sistem bekalan air di pulau-pulau peranginan;	- Mengurangkan kadar kehilangan air (non revenue water) – mencapai NRW kurang daripada 20%. - Menguatkuasakan Pelan Tindakan Pengurangan NRW Kebangsaan 100% mendapat bekalan air bersih.	Senarai Projek	Tahunan	Pengurusan Air Pahang Berhad	Fasa 1	Tidak Capai	Inisiatif pelaksanaan yang dirancang tidak berjaya mencapai sasaran kadar NRW yang ditetapkan.

Jadual 3.12: Contoh Indikator Pengukuran Pencapaian dan Pemantauan Pelaksanaan Dasar dan Projek RS Negeri (Samb...)

DASAR	INISIATIF PELAKSANAAN	INDIKATOR PENGUKURAN	SUMBER DATA	FREKUENSI DATA	JABATAN/AGENSI BERTANGGUNGJAWAB	FASA	PENCAPAIAN PELAKSANAAN	CATATAN
S21.1 PEMBANGUNAN PERUMAHAN MAMPU MILIK DAN SEWA MENGIKUT PERMINTAAN DI SETIAP DAERAH	IP21.1 : Memperkukuhkan dana kerajaan negeri bagi pembinaan perumahan mampu milik, terutamanya di kawasan-kawasan pusat bandar	Peratusan penyediaan perumahan mampu milik; berbanding permohonan berdaftar untuk pembelian	- Laporan Sosioekonomi Negeri Terengganu - Bahagian Perumahan, SUK Negeri Terengganu	Tahunan	Bahagian Perumahan, SUK Negeri Terengganu	2021 - 2030	Belum Tercapai	Penyediaan rumah mampu milik semasa masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, sasaran ini dijangka dapat dicapai sebelum berakhir fasa pelaksanaan.
BM 9: KEUPAYAAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI DINAIKTARAF DAN KEMUDAHAN JALUR LEBAR KELAJUAN TINGGI (HSBB) DISEDIKAN KE SELURUH NEGERI SELANGOR	P2 : Meluaskan penyediaan kemudahan internet percuma yang berkelajuan tinggi untuk komuniti ke seluruh petempatan di Negeri Selangor melalui pelaksanaan zon wifi percuma terutamanya di kawasan awam, perpustakaan dan kawasan desa.	Bilangan pelaksanaan zon wifi percuma	Senarai Projek	Tahunan	- SMART Selangor - UPEN - PBT - MBI	Fasa 1	Capai	Penyediaan zon wifi percuma melebihi sasaran yang ditetapkan.

a. RUMUSAN PENCAPAIAN INISIATIF PELAKSANAAN

Inisiatif yang telah dikenalpasti akan ditentukan pencapaian melalui data terkini dan pengesahan daripada agensi. Jadual di bawah menunjukkan contoh rumusan kepada penilaian Inisiatif Pelaksanaan (IP). Peratusan ditentukan berdasarkan tahap data yang diperolehi. Rumusan bagi keseluruhan IP perlu dibuat bagi menentukan keputusan penetapan atau syor yang bersesuaian untuk pengubahan atau kajian semula.

Jadual 3.13: Contoh Rumusan Pencapaian Inisiatif

INISIATIF PELAKSANAAN (IP)	FASA	INDIKATOR PENGUKURAN	PERATUS PENCAPAIAN SEMASA	PENCAPAIAN PELAKSANAAN DASAR			SYOR / TINDAKAN
				CAPAI	BELUM CAPAI	TIDAK CAPAI	
IP 1 Menggalakkan dan mempromosikan Zon Pertumbuhan Negeri Melaka berdasarkan zon pembangunan ekonomi	Fasa 1 2021-2030	✓ Peratus KDNK ✓ Peratus Peningkatan Tepu Bina ✓ Peratusan Kadar kemiskinan	Kadar Pertumbuhan KDNK = 2.0% Peningkatan Tepu Bina = 17.16% Kadar Kemiskinan Negeri Melaka = 6.1%	/			Tercapai
IP 3 Mewujudkan peluang pekerjaan penuh (sifar kadar pengangguran) bagi memenuhi keperluan sumber manusia untuk sektor perindustrian melalui: ▪ Sektor pembuatan baharu mikroicip.	Fasa 1 2021-2030	Peratusan kadar pertumbuhan tenaga buruh	Sasaran 6.8%-8.2% setahun Pencapaian 2.0% setahun			/	Kemaskini data setiap tahun

Jadual 3.13: Contoh Rumusan Pencapaian Inisiatif (Samb...)

INISIATIF PELAKSANAAN (IP)	FASA	INDIKATOR PENGUKURAN	PERATUS PENCAPAIAN SEMASA	PENCAPAIAN PELAKSANAAN DASAR			SYOR / TINDAKAN
				CAPAI	BELUM CAPAI	TIDAK CAPAI	
▪ Menggalakkan usahasama dengan universiti tempatan							
IP21.1: Memperkukuhkan dana kerajaan negeri bagi pembinaan perumahan mampu milik, terutamanya di kawasan-kawasan pusat bandar	2021-2030	Peratusan penyediaan perumahan mampu milik; berbanding permohonan berdaftar untuk pembelian	Penyediaan rumah mampu milik sehingga tahun 2023 = 15,000 unit Permohonan berdaftar = 60,000 75% penyediaan perumahan mampu milik berbanding permohonan berdaftar untuk pembelian sehingga tahun 2023.		/		Pemantauan Berkala
*JUMLAH PENCAPAIAN PELAKSANAAN DASAR				1	1	1	-
PERATUSAN (%) PENCAPAIAN DASAR				33.33%	33.33%	33.33%	-

Nota:

- Bagi RS Negeri yang tidak mempunyai indikator, perlu membentuk indikator yang bersesuaian berdasarkan Inisiatif Pelaksanaan atau apa-apa mekanisme yang bersesuaian.
- Pencapaian pelaksanaan dasar dikira berdasarkan kepada jumlah keseluruhan pencapaian yang terkumpul.

3.4 **KAEDAH PENYEDIAAN LPPFN**

3.4.1 **Justifikasi Kaedah Manual dan Kaedah Sistem**

Penyediaan LPPFN boleh dilaksanakan secara manual iaitu laporan atau secara sistem. Kaedah penyediaan laporan ini bergantung kepada peruntukan Kerajaan Negeri untuk menyediakan laporan menggunakan kaedah manual atau pelaksanaan sistem. Pemilihan kaedah yang digunakan adalah bagi memudahkan proses pengumpulan data, capaian dan analisis data daripada setiap agensi terlibat.

- 1** Kaedah dokumentasi dan analisa terhadap dokumen-dokumen berkaitan melibatkan proses pengumpulan data daripada laporan ataupun agensi yang terlibat.
- 2** Perbincangan secara bersemuka antara pasukan teknikal lebih kerap dilakukan.
- 3** Memerlukan komitmen tenaga kerja untuk melaksanakan teknik penyimpanan dan penyampaian data yang berkesan bagi meningkatkan interaksi maklumat.

Kaedah Manual




Kaedah Sistem



- 01** Penggunaan sistem untuk memudahcara pengurusan kemasukan data yang diberikan oleh PBT dan agensi pelaksana.
- 02** Pengurusan data dan maklumat dapat diuruskan secara sistematik dan efisien.
- 03** Melibatkan agensi berkepentingan yang dibolehkan untuk mengakses.
- 04** Memudahkan proses pengemaskinian dan penyelarasan pangkalan data yang diperlukan di dalam LPPFN.

3.4.2 Integrasi Sistem dan Data Maklumat

Sistem dibangunkan bagi menyokong fungsi dan proses kerja di dalam organisasi / jabatan. sistem pemantauan RS yang dibangunkan oleh PLANMalaysia Negeri sendiri hendaklah mengenalpasti dan mengkaji isu-isu utama di peringkat pertindihan corak penyimpanan maklumat dengan sistem yang akan diintegrasikan dengan sistem Pemantauan Rancangan Pemajuan MUO.



PLANMalaysia Negeri perlu mengkaji dengan terperinci penyediaan sistem integrasi yang ingin diselaraskan. Analisis terhadap keperluan pengguna perlu dijalankan bagi mengenalpasti kekangan yang dihadapi pengguna apabila menggunakan sistem aplikasi yang disediakan. Reka bentuk sistem integrasi perlu mengambil kira masalah yang berlaku terhadap sistem aplikasi sedia ada sebagaimana **Rajah 3.6**.

PELAN INTEGRASI SISTEM

Kepentingan menyediakan pelan integrasi sistem sebagai rujukan dan panduan kepada keseluruhan pelaksanaan sistem yang menggariskan kaedah, strategi dan jadual pelaksanaan.

REKA BENTUK INTEGRASI SISTEM

Menghasilkan kaedah integrasi yang sesuai dengan keperluan proses pengoperasian di dalam sistem dengan menjelaskan spesifikasi integrasi yang ingin dilaksanakan serta fungsi keperluan sistem integrasi tersebut.



Rajah 3.6 : Proses Pelaksanaan Pelan Integrasi Sistem

3.4.3 Kerjasama Strategik Integrasi Sistem / Aplikasi

Penyediaan LPPFN secara sistem oleh PLANMalaysia Negeri atau diintegrasikan dengan sistem-sistem atau aplikasi lain yang digunakan di peringkat negeri. Oleh itu, kerjasama strategik antara PLANMalaysia Negeri dengan kerajaan negeri dan jabatan-jabatan teknikal negeri perlu dibuat untuk membolehkan pengintegrasian sistem boleh dilaksanakan dan mencapai matlamat pembangunan sistem. Hal ini juga memudahkan penyelarasan data dan maklumat yang akan digunakan ke dalam sistem-sistem tersebut.

Namun begitu, sistem LPPFN yang telah diintegrasikan dengan sistem pemantauan projek kerajaan Negeri perlu diintegrasikan bersama sistem MUO. Ini bagi membolehkan sistem MUO membuat analisis perbandingan dan paparan maklumat berkaitan hasil pemantauan dan pencapaian pelaksanaan RS untuk semua negeri. Melalui paparan MUO, prestasi fizikal perancangan guna tanah di setiap negeri akan dapat dikenalpasti.


i. Integrasi Antara Sistem-Sistem Pemantauan Kerajaan Negeri

Setiap agensi mempunyai kepentingan dalam memantau perkembangan dan prestasi projek-projek yang akan dilaksanakan di dalam negeri. Kerajaan negeri digalakkan untuk menggunakan sistem integrasi bersama MUO untuk mencapai matlamat utama iaitu **memantau** dan **menilai prestasi fizikal perancangan negeri** agar boleh dilaksanakan sepenuhnya.




3.4.4 Pembangunan Sistem Pemantauan Rancangan Pemajuan

MUO merupakan platform yang telah dibangunkan oleh PLANMalaysia bagi memudahkan perkongsian data dan maklumat khususnya perbandaran di antara agensi-agensi. Antara fungsi utama MUO adalah menjadi pusat data untuk mengumpul maklumat, menganalisis dan perkongsian data. MUO juga dijadikan sebagai pusat pemantauan dan penilaian bagi memantau perkembangan Malaysia dalam melaksanakan *Sustainable Development Goals* (SDGs), *New Urban Agenda* (NUA) dan tren perbandaran termasuklah pemantauan rancangan pemajuan nasional. MUO dijadikan platform integrasi dalam mewujudkan kerjasama strategik bagi perkongsian data dan pusat pemantauan dalam penyediaan LPPFN. Contoh PLANMalaysia Negeri yang sedang membuat pengintegrasian dengan sistem MUO bagi penyediaan LPPFN.



MUO melalui *Modul: Pemantauan dan Pelaporan Perbandaran Mampan* dan *Sub-modul: Rancangan Pemajuan* boleh dijadikan satu platform pemantauan RS melalui penyediaan *dashboard* khusus mengikut Negeri dan penjaan pelaporan sepertimana keperluan LPPFN boleh dilaksanakan sebagaimana **Rajah 3.7**. Kumpulan pengguna perlu dikenalpasti bagi membolehkan pengguna melakukan pengemaskinian data di peringkat masing-masing.

Unit MUO, Pejabat Projek Zon Tengah PLANMalaysia merupakan unit khas yang akan membantu PLANMalaysia Negeri untuk membuat pengintegrasian sistem LPPFN sedia ada ke dalam modul pemantauan rancangan pemajuan sistem MUO. Manakala bagi PLANMalaysia Negeri yang belum mempunyai sistem LPPFN sendiri, adalah **TIDAK DIGALAKKAN** untuk membangunkan sistem LPPFN sendiri. PLANMalaysia Negeri perlu terus menggunakan sistem MUO untuk menyediakan LPPFN secara sistem. Semua pengisian data ke dalam sistem MUO oleh pentadbir PLANMalaysia Negeri akan dibantu unit MUO. Manakala, pentadbir sistem akan dilantik di kalangan pegawai di PLANMalaysia Negeri.



Rajah 3.7: Cadangan Carta Alir Penyediaan Kaedah Sistem Pemantauan LPPFN

HANTAR MAKLUMAT PENILAIAN DAN PEMANTAUAN PELAKSANAAN KE PBT/AGENSI**SENARAI PEMANTAUAN**

Tanda senarai pemantauan di bawah untuk hantar ke PBT / Agensi berkaitan.

Teras

Teras 1 : Tadbir Urus Bandar Yang Baik x v

38

Tindakan

	Teras	Dasar	Strategi Pelaksanaan	Indikator Pengukuran	Tanda ()
1	OBJEKTIF 1.1: Pelaksanaan DPN2 Secara Efektif	STRATEGI 1.1.1: Pelaksanaan setiap tindakan yang ditetapkan di dalam DPN2	TINDAKAN 1.1.1.1: Mengadakan sebaran DPN2 secara berkala dengan penglibatan agensi pelaksana dan pihak berkepentingan	Bilangan sebaran yang dilaksanakan setiap tahun	☐
2	OBJEKTIF 1.1: Pelaksanaan DPN2 Secara Efektif	STRATEGI 1.1.1: Pelaksanaan setiap tindakan yang ditetapkan di dalam DPN2	TINDAKAN 1.1.1.2: Menyediakan capaian DPN2 di Laman Portal PBT	Bilangan PBT yang telah memuatnaik DPN2 di laman portal	☒
3	OBJEKTIF 1.2: Penentuan Sempadan Bandar	STRATEGI 1.2.1 : Penentuan sempadan bagi setiap bandar yang dikenalpasti di dalam DPN2	TINDAKAN 1.2.1.1: Mengenalpasti Sempadan Bandar mengikut definisi DPN2	Bilangan bandar yang mempunyai sempadan bandar	☐
4	OBJEKTIF 1.3: Penerapan Nilai-Nilai Akauntabiliti Dan Integriti Di Dalam Perancangan, Pembangunan Dan Pengurusan Bandar Ke Arah Pembangunan Mampan	STRATEGI 1.3.1: Penguatkuasaan undang-undang dan keputusan secara telus, adil, saksama dan konsisten	TINDAKAN 1.3.1.1: Memastikan semua permohonan perancangan mematuhi rancangan pemajuan dan garis panduan berkaitan (perincian daripada DPN 2006)	Bilangan permohonan yang mematuhi rancangan pemajuan dan garis panduan bagi setiap bandar	☐
5	OBJEKTIF 1.3: Penerapan Nilai-Nilai Akauntabiliti Dan Integriti Di Dalam Perancangan, Pembangunan Dan Pengurusan Bandar Ke Arah Pembangunan Mampan	STRATEGI 1.3.2: Peningkatan sistem penyampaian kepada rakyat	TINDAKAN 1.3.1.1: Memastikan semua permohonan perancangan mematuhi rancangan pemajuan dan garis panduan berkaitan (perincian daripada DPN 2006)	Agensi teknikal yang terlibat dalam Jawatankuasa Unit Pusat Setempat (OSC)	☒

[<](#)
[<](#)
[1](#)
[2](#)
[3](#)
[4](#)
[5](#)
[...](#)
[>](#)
[>](#)

Jumlah Rekod 5 daripada 38

Sebelumnya


Seterusnya

Rajah 3.8: Contoh Paparan Data Dalam Sistem

3.5 PENGUMPULAN DATA

Penyediaan LPPFN memerlukan data yang boleh diukur berdasarkan kepada indikator-indikator yang telah ditetapkan di dalam RS Negeri. Ia juga membolehkan setiap cadangan dan inisiatif yang telah disenaraikan di dalam dokumen RS Negeri tersebut untuk diukur dan menilai petunjuk output data tersebut untuk dikaji seperti yang diterangkan dalam **Rajah 3.9**.

Berdasarkan **Jadual 3.14** terdapat lima (5) jenis data yang dikenalpasti bagi setiap dasar dan inisiatif pelaksanaan di dalam proses pengumpulan maklumat ini. Bagi inisiatif yang tidak mempunyai data, proses penambahbaikan perlu dijalankan bagi memastikan inisiatif tersebut perlu mempunyai indikator yang sesuai / setaraf / sama nilai. Jika masih terdapat data tiada indikator setelah proses penambahbaikan dilakukan, inisiatif tersebut perlu dikaji semula atau digugurkan daripada senarai yang perlu dibuktikan dengan penemuan dan justifikasi semasa penyediaan suatu RS Negeri.



Rajah 3.9: Pengukuran Data / Maklumat bagi Penyediaan LPPFN

Jadual 3.14: Kategori Data yang Diperlukan dalam Penyediaan LPPFN

BIL.	DATA YANG DIPERLUKAN	TAFSIRAN	CONTOH
1.	Cadangan Indikator*	Cadangan petunjuk	Teras 1: Pembangunan Wilayah Bandar Berkembang Maju - Bilangan Ketidakpatuhan/ Kelulusan Kebenaran Merancang Teras 2: Pembangunan Wilayah Bandar Makmur - Pembangunan Mematuhi Keupayaan Tampungan Teras 3: Pembangunan Wilayah Bandar Mampan - Bilangan Projek Perumahan Terbangkalai
2.	Jabatan / agensi ada memiliki dan merujuk dokumen RS Negeri	Jabatan/agensi mempunyai dan merujuk naskah dokumen RS Negeri	Ada atau Tiada Jabatan / agensi ada merujuk dokumen RS Negeri semasa merangka permohonan peruntukan bagi cadangan projek yang dicadang dalam dokumen RS Negeri
3.	Sumber Data	Punca / asas kepada data yang digunakan	Laporan Tinjauan RS Negeri, Rancangan Tempatan, Laporan Tahunan, Tanah Warta, Senarai Permohonan Kebenaran Merancang, Laporan Kemajuan Projek, <i>Dekstop Study</i> , Kajian Lapangan dan agensi lain-lain berkaitan.
4.	Frekuensi Data	Tempoh / kekerapan data yang digunakan	Tahunan, 2 Tahun dan 5 Tahun sahaja
5.	Jabatan / Agensi Bertanggungjawab	Merujuk kepada jabatan / agensi pelaksana yang disenaraikan dalam dokumen RS Negeri	PLANMalaysia Negeri, UPEN, PBT, Jabatan teknikal dan Agensi Pelaksana

*Nota: Cadangan Indikator akan disediakan oleh negeri bagi mengukur setiap inisiatif pelaksanaan sekiranya tidak dinyatakan di dalam RS Negeri masing-masing.

3.5.1 Kaedah Pengumpulan dan Pengukuran Data

Secara keseluruhannya, penyediaan LPPFN perlu mengambil kira dan menyenaraikan dasar, teras, hala tuju strategik, inisiatif pelaksanaan, output / *outcome* yang terdapat di dalam dokumen RS Negeri sedia ada. Jenis data primer akan dikenalpasti dan diselaraskan merujuk kepada sumber sedia ada atau fakta asal yang akan menjadi asas kepada data sekunder dan telah dianalisis dari data primer dari dokumen RS Negeri.

Di dalam konteks penyediaan LPPFN ini, kedua-dua jenis data ini boleh diperolehi daripada Sesi FGD, edaran borang soal selidik, pandangan / nasihat pakar (*expert review*) dan sesi libat urus perlu dijalankan semasa tempoh kajian bagi mengenalpasti sama ada terdapat data atau tidak bagi setiap inisiatif pelaksanaan tersebut. Sesi perbincangan ini perlu diadakan dengan empat (4) pihak berkepentingan dalam penyediaan RS Negeri iaitu agensi kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO). Oleh itu, kaedah pengukuran data boleh dijalankan sama ada dalam bentuk pengukuran kualitatif (verbal) atau kuantitatif (statistik).

3.6 PEMBENTUKAN INDIKATOR BAGI RS NEGERI

Pembentukan indikator bagi suatu RS Negeri adalah amat penting bagi memudahkan suatu penilaian keberkesanan pelaksanaan dasar dan cadangan strategi dapat diukur. Suatu RS Negeri yang telah diwartakan akan mengandungi kandungan matriks RS Negeri yang berbeza-beza merangkumi dasar-dasar utama, teras, halatuju strategik, inisiatif pelaksanaan, projek *Flagship* / *HIP*, Indikator, output / *outcome* yang akan dinilai pencapaian pelaksanaannya.

Namun demikian, sekiranya terdapat beberapa komponen yang tidak menunjukkan indikator yang lengkap. Penyediaan indikator hendaklah disediakan bagi memudahkan sesuatu pencapaian itu mudah diukur. Penetapan pengukuran indikator hendaklah dibuat semasa di peringkat penyediaan LPPFN dan dipersetujui bersama oleh agensi teknikal atau agensi pelaksana semasa di peringkat FGD. Penetapan indikator ini hendaklah melibatkan penetapan penyediaan formula, piawaian dan frekuensi data yang akan ditetapkan semasa di peringkat FGD. **Jadual 3.15** menunjukkan contoh cadangan pembentukan indikator, petunjuk output / *outcome* bagi RS Negeri yang tidak mengandungi Indikator.

Jadual 3.15: Contoh Cadangan Pembentukan Indikator, Petunjuk Output / *Outcome* bagi RS Negeri Selangor yang Tidak Mengandungi Indikator

Teras 1 : Pembangunan Wilayah Bandar Berkembang Maju (BM)

BM1-P4	MENGAWAL PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN DI SETIAP ZON PEMBANGUNAN AGAR TIDAK BERCANGGAH DENGAN AKTIVITI PEMBANGUNAN YANG DITETAPKAN BAGI ZON BERKENAAN. AKTIVITI INDUSTRI SELAIN DARI YANG DIKHUSUSKAN DI SESEBUAH ZON PERINDUSTRIAN AKAN DIBENARKAN SEBAGAI INDUSTRI SOKONGAN KEPADA AKTIVITI INDUSTRI UTAMA	
	- Bilangan Ketidakpatuhan & Kelulusan Kebenaran Merancang dan Zoning	
Definisi Petunjuk Output		
Bilangan permohonan Kebenaran Merancang melibatkan cadangan pembangunan industri yang diluluskan oleh PBT.		
Penerangan / Justifikasi		
Dengan adanya senarai bilangan permohonan Kebenaran Merancang yang melibatkan pembangunan industri dapat dilihat kepatuhan terhadap zoning dan aspek seperti: • Kesesuaian tapak dari aspek topografi, • Keharmonian dengan pembangunan sekitar, • Mematuhi zon guna tanah yang telah dikenal pasti di dalam Rancangan Tempatan.		
Sumber data		
PBT – Bahagian OSC Perancang (Senarai Permohonan Kebenaran Merancang)		
Butiran Data		
A – Bilangan permohonan Kebenaran Merancang yang melibatkan pembangunan baru yang didaftarkan di OSC pada tahun semasa		
A' – Bilangan permohonan Kebenaran Merancang yang melibatkan pembangunan baru yang diluluskan pada tahun semasa		
Formula	Piawaian	Frekuensi Data
Peratusan permohonan Kebenaran Merancang yang melibatkan pembangunan baru yang lulus dan tidak lulus $X = (A \div A') \times 100$	X = 100 Memuaskan	1 Tahun
	50% ≤ X ≤ 99% Sederhana memuaskan	
	X ≤ 49% Tidak memuaskan	

Teras 2 : Pembangunan Wilayah Bandar Mampan (MP)

Fase 2: Pembangunan Wilayah Bandar Tampungan (WBT)	
MP3-P1	PEMBANGUNAN MEMATUHI KEUPAYAAN TAMPUNGAN
Definisi Petunjuk Output	
Keupayaan tampungan (<i>carrying capacity</i>) merupakan ukuran maksimum pembangunan di atas sesebuah tapak atau sumber jaya.	

Penerangan / Justifikasi		
Dalam konteks ini, bermaksud sebarang pembangunan ke atas setiap lokasi atau sumberjaya mempunyai tahap yang tertentu seperti bilangan penduduk maksimum di dalam sesebuah kawasan tanpa mendatangkan kesan buruk kepada alam sekitar. Pembangunan yang melampaui tahap keupayaan tampungan akan mengakibatkan kesan negatif ke atas sesebuah pembangunan. Oleh yang demikian, sesebuah pembangunan di dalam kawasan bandar perlu mematuhi Kajian Impak Alam Sekitar (EIA), Kajian Impak Sosial (SIA) dan Kajian Impak Trafik (TIA) serta garis panduan yang telah disyaratkan bagi memastikan pembangunan yang dijalankan adalah mampan dan berkualiti. Matlamat kajian adalah tiada permohonan yang ditolak oleh PBT. Ia akan menunjukkan bahawa permohonan adalah mematuhi syarat-syarat yang dikehendaki.		
Sumber data		
PBT		
Butiran Data		
A – Bilangan permohonan pembangunan yang ditolak oleh PBT A' – Bilangan permohonan yang didaftarkan di PBT		
Formula	Piawaian	Frekuensi Data
Bilangan permohonan yang ditolak $X = (A \div A') \times 100$	X = 0	1 Tahun
	Memuaskan	
	1% $\geq$ X $\leq$ 49%	
	Sederhana memuaskan	
	X $\geq$ 50%	
	Tidak memuaskan	

Teras 2 : Pembangunan Wilayah Bandar Mampan (MP)

MM2 – P2	MELAKSANAKAN DASAR RUMAH MAMPU MILIK NEGERI SELANGOR (RUMAH SELANGORKU) YANG DAPAT MEMENUHI KEPERLUAN TERHADAP RUMAH MAMPU MILIK SELARAS DENGAN SASARAN SATU ISI RUMAH SATU RUMAH - Bilangan rumah mampu milik Negeri Selangor (Rumah Selangorku) yang telah di bina oleh agensi kerajaan dan swasta
Definisi Petunjuk Output	
Perumahan mampu milik ini boleh ditakrifkan sebagai perumahan berkualiti yang disediakan bagi golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana dengan harga anggaran purata RM65,000.00 sehingga RM400,000.00 dengan pendapatan isi rumah antara RM750.00 sehingga RM6,000.00.	
Penerangan / Justifikasi	
Penyediaan kemudahan perumahan yang mencukupi dan bersesuaian dengan kemampuan merupakan matlamat utama dalam mencapai kesejahteraan komuniti. Penyediaan perumahan mampu milik kepada golongan sasar merupakan agenda utama negara yang merupakan satu platform bagi mewujudkan komuniti yang kukuh dalam aspek ekonomi, pendidikan dan kesihatan kepada individu, keluarga dan masyarakat. Penyediaan rumah mampu milik hendaklah memenuhi keperluan, permintaan dan kemampuan memiliki rumah untuk semua golongan golongan berpendapatan rendah dan sederhana.	
Sumber data	
• PBT – Bahagian Perancangan (Senarai Permohonan Kebenaran Merancang)	

- Bahagian Perumahan SUK

Butiran Data

A – Bilangan permohonan Kebenaran Merancang yang melibatkan pembangunan perumahan baru yang didaftarkan di OSC pada tahun semasa

A' – Bilangan permohonan Kebenaran Merancang yang melibatkan pembangunan perumahan baru yang diluluskan pada tahun semasa


Formula	Piawaian	Frekuensi Data
Peratusan permohonan Kebenaran Merancang yang melibatkan pembangunan perumahan baru yang diluluskan $X = (A \div A') \times 100$	X = 100 Memuaskan	Tahunan
	$50\% \leq X \leq 99\%$ Sederhana memuaskan	
	$X \leq 49\%$ Tidak memuaskan	

Sumber: Laporan Akhir LPPFN Negeri Selangor, 2018

Nota: Perkara dan perincian yang dimasukkan hanya contoh yang boleh dijadikan panduan kepada semua negeri di dalam penyediaan LPPFN.

3.7 ORGANISASI PENGURUSAN LPPFN

Beberapa peringkat jawatankuasa utama ditubuhkan dalam proses penyediaan LPPFN yang bertujuan untuk memantau, memaklum dan meluluskan suatu dokumen LPPFN yang disediakan sebagaimana Rajah 3.10.



Rajah 3.10: Struktur Organisasi Pengurusan LPPFN

3.7.1 Fungsi dan Peranan Jawatankuasa


Perincian fungsi dan peranan organisasi pengurusan LPPFN adalah sebagaimana berikut:

Jadual 3.16: Perincian Fungsi dan Peranan Jawatankuasa

JAWATANKUASA	FUNGSI DAN PERANAN
Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN)	a. Meluluskan kertas cadangan dan Terma Rujukan LPPFN dan b. Persetujuan draf LPPFN; dan c. Mengarahkan PLANMalaysia Negeri untuk mengambil tindakan seterusnya terhadap RS yang dikaji berdasarkan hasil kajian LPPFN.
Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan PLANMalaysia (JPP)	a. Mengambil maklum hasil draf LPPFN; dan b. Sekiranya memerlukan pengubahan/penggantian, pihak Jabatan boleh memberi nasihat bagi penambahbaikan RSN.
Jawatankuasa Pemantauan (JKP)	a. Menilai, mempertimbang dan meluluskan laporan-laporan yang disediakan; b. Memberi nasihat berkenaan dasar dan polisi di peringkat nasional dan negeri untuk diselaraskan; c. Memastikan keperluan Kerajaan Negeri, PBT dan agensi-agensi berkaitan diambil kira; d. Menentukan bahawa kajian yang disediakan mengikut keperluan Terma Rujukan dan garis panduan jabatan berkaitan; dan e. Meluluskan Draft LPPFN.
Pasukan Kajian / JK Kerja	a. Menyelaras keperluan jabatan / agensi teknikal yang terlibat dengan kajian; b. Menjalankan semakan dan menilai laporan yang disediakan supaya selaras dengan keperluan kajian; c. Mengawal, menyelia dan memberi nasihat untuk penambahbaikan hasil kajian; d. Menyelaras pengumpulan maklumat dan data; dan e. Menilai dan menerima laporan mengikut peringkat untuk kelulusan pembayaran perunding.
Pasukan Teras	Kaedah Secara Manual <u>Pelantikan Perunding</u> a. Menyelaras dan mengawal perjalanan kajian mengikut program kerja; b. Mengurusetia mesyuarat / perbincangan yang telah dijadualkan; dan c. Menyemak dan menilai laporan yang disediakan oleh pihak perunding agar selaras dengan Terma Rujukan dan keperluan PBN. <u>Tidak Melibatkan Pelantikan Perunding (Secara In House)</u> a. Menyediakan laporan-laporan mengikut peringkat kajian; b. Membuat verifikasi maklumat, penyediaan draf laporan dan kawalan kualiti projek;

Jadual 3.16: Perincian Fungsi dan Peranan Jawatankuasa (Samb...)

JAWATANKUASA	FUNGSI DAN PERANAN
	c. Membuat pindaan-pindaan kepada laporan bagi menepati ulasan dan maklumbalas yang diperolehi hasil daripada perbincangan dan mesyuarat; d. Menyelaras dan mengawal perjalan kajian mengikut program kerja; dan e. Mengurusetia mesyuarat-mesyuarat yang dijadualkan. Kaedah Melalui Sistem a. Pentadbir sistem dan memasukkan kandungan RS Negeri di dalam sistem yang disediakan oleh MUO; b. Mendaftar agensi-agensi teknikal utama sebagai pengguna sistem; c. Memuat naik indikator-indikator yang diperlukan untuk pemantauan; d. Membuat verifikasi maklumat, penyediaan draf laporan dan kawalan kualiti projek; e. Mengemaskini indikator-indikator secara berkala sebagaimana maklumbalas yang diperolehi hasil daripada perbincangan dan mesyuarat; f. Menjana laporan melalui sistem sekiranya diperlukan; g. Menyelaras dan mengawal perjalanan kajian mengikut program kerja; dan h. Mengurusetia mesyuarat-mesyuarat yang dijadualkan.
Pasukan Perunding	a. Perunding perlu mendapatkan maklumat-maklumat sekunder daripada jabatan / agensi berkaitan dan menjalankan sesi FGD atau soal selidik bagi melengkapkan data-data yang diperlukan; b. Memastikan projek dijalankan mengikut jadual; c. Menyediakan laporan-laporan mengikut peringkat projek dan nota taklimat serta salinan yang secukupnya untuk tujuan perbincangan dan mesyuarat; d. Menyediakan laporan-laporan yang menepati Terma Rujukan dan mencapai kualiti yang telah ditetapkan; e. Membenteng hasil kajian di setiap mesyuarat dan jawatankuasa terlibat; f. Membuat verifikasi maklumat, penyediaan draf laporan dan kawalan kualiti projek; g. Membuat pindaan-pindaan kepada laporan bagi menepati ulasan dan maklumbalas yang diperolehi hasil daripada perbincangan dan mesyuarat; h. Ketua Perunding bertanggungjawab menyediakan verifikasi maklumat, penyediaan draf laporan dan kawalan kualiti; i. Ketua Perunding perlu mengurus dan menyelaras segala urusan kajian yang dijalankan oleh perunding sektoral; dan j. Ketua Perunding juga bertanggungjawab memastikan setiap tugas dan penyediaan laporan dilakukan dengan sempurna termasuk kerja-kerja penambahbaikan laporan yang menepati keperluan kajian, hasil kerja berkualiti dan penyerahan laporan tepat mengikut program yang ditetapkan.




BAB 4

ASAS PENENTUAN PENETAPAN PENGUBAHAN / KAJIAN SEMULA RANCANGAN STRUKTUR NEGERI

4.0 ASAS PENENTUAN PENGUBAHAN / KAJIAN SEMULA RANCANGAN STRUKTUR NEGERI

Pengubahan atau Kajian Semula RS Negeri boleh dibuat berdasarkan peruntukan subseksyen 11, Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172). Sesuatu RS Negeri hendaklah dikaji semula setiap lima (5) tahun seiring dengan penyediaan rancangan pembangunan lima (5) tahun negeri. Kajian semula RS Negeri juga boleh dibuat sekiranya Kerajaan Negeri mengarahkannya untuk berbuat demikian dan jika terdapat perubahan dasar dan corak pembangunan negeri tersebut. Subkaedah 18(3), Kaedah-kaedah Rancangan Struktur 2019 memperuntukkan bahawa keadaan di mana membolehkan pengubahan RS Negeri dibuat adalah jika hanya melibatkan perubahan sebahagian rancangan itu yang dikuatkuasakan dan cadangan dalam rancangan itu secara umumnya masih terpakai. Selain itu, subseksyen 11(2) Akta 172 juga menetapkan bahawa sebelum cadangan untuk kajian semula atau pengubahan suatu RS Negeri, Pengarah Negeri hendaklah berbincang dengan JPN terlebih dahulu. Berdasarkan kepada Manual Rancangan Struktur Versi 2021, asas justifikasi pengubahan sesuatu RS Negeri adalah sebagaimana **Rajah 4.1**.



Rajah 4.1: Asas Justifikasi Pengubahan RS Negeri


Sebagai rujukan dalam menentukan Kajian Semula atau Pengubahan RS Negeri, LPPFN merupakan dokumen penting dan rujukan kepada PBN dan agensi-agensi berkaitan dalam membuat keputusan tertentu terutama yang melibatkan pelaksanaan dasar-dasar serta langkah-langkah di bawah RS Negeri yang dicadangkan.

Pengubahan atau Kajian Semula RS Negeri boleh dibuat oleh PBN adalah berdasarkan kepada pencapaian pelaksanaan sesuatu dasar, IP dan output / indikator yang dilaporkan dalam LPPFN bagi suatu RS Negeri.

Hasil pemantauan RS Negeri yang dikategorikan kepada **capai, belum capai dan tidak capai** akan dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan untuk kelulusan sehingga ke persetujuan di peringkat Mesyuarat JPN. Bagi dasar yang belum capai dan tidak capai boleh disyorkan sama ada untuk disemak semula sama ada masih sesuai untuk dikekalkan, dipantau secara berkala, perlu ditambah baik atau dimansuhkan kerana dasar tersebut mungkin tidak lagi relevan dengan senario pembangunan semasa negeri berdasarkan hala tuju perancangan yang dirancang. Peratusan keseluruhan pencapaian dasar, IP dan output / indikator serta tindakan pengesyoran dasar yang belum capai dan tidak capai akan dijadikan sebagai panduan kepada pencapaian pelaksanaan fasa yang dikaji bagi sesuatu RS Negeri yang telah disediakan.

Pengubahan sesuatu RS boleh dibuat bagi RS yang masih dalam tempoh 5 (lima) tahun selepas pewartaan sekiranya dasar-dasar berkaitan tidak dapat dilaksanakan kerana tidak sesuai dan tidak relevan dengan keadaan semasa pembangunan negeri. Dasar, IP dan output / indikator perlu dikaji dan disesuaikan semula dengan hala tuju dan corak pembangunan semasa negeri dan perlu dipantau secara berkala dan berterusan supaya ianya dapat dicapai selaras dengan indikator dan kriteria yang telah ditetapkan.

Walau bagaimanapun, bagi RS yang telah melebihi lima (5) tahun selepas pewartaan hendaklah dikaji semula sebagaimana ketetapan Akta 172. Proses kajian semula ini melibatkan keseluruhan atau sebahagian dasar-dasar RS Negeri agar ianya selaras dengan perubahan dasar semasa di peringkat negeri dan persekutuan serta corak pembangunan fizikal negeri termasuk kajian semula RFN bagi setiap lima (5) tahun. Kajian semula RS Negeri juga adalah bagi memastikan mekanisme pelaksanaan yang lebih efektif dan berkesan terhadap semua dasar dan IP yang dicadangkan. Pertimbangan Pengubahan RS Negeri atau Kajian Semula RS adalah sebagaimana **Rajah 4.2**.



Rajah 4.2: Asas Pertimbangan Dalam Penentuan Pengubahan atau Kajian Semula RS Negeri



BAB 5

RUMUSAN

5.0 RUMUSAN

Penyediaan Panduan LPPFN yang disediakan ini merupakan satu mekanisme rujukan dan panduan bagi semua PBN yang terlibat dalam menyediakan laporan pemantauan bagi RS Negeri masing-masing. LPPFN yang disediakan selepas dua (2) tahun pewartaan ini disediakan bertujuan bagi menilai keberkesanan pelaksanaan dasar dan cadangan strategi yang terkandung di dalam RS Negeri dan akan dijadikan dokumen sokongan bagi penyediaan LPP yang diperuntukkan di bawah cadangan pindaan seksyen 6C(1), Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172).

Secara keseluruhannya, penyediaan Panduan LPPFN ini mengandungi senario pemantauan semua dokumen RS Negeri yang telah diwartakan melibatkan matriks kandungan RS Negeri, Pemantauan Jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan dan perbandingan dokumen RS Negeri mengikut perancangan dasar, halatuju sehingga ke proses penilaian indikator, output dan *outcome* bagi RS Negeri. Panduan LPPFN ini juga turut mengandungi dan memperincikan amalan pelaksanaan LPPFN di peringkat negeri-negeri yang telah melaksanakan LPPFN seperti Negeri Selangor, Perlis dan Melaka. LPPFN ini juga turut diterjemahkan melalui penggunaan sistem pemantauan yang disediakan bagi memantau pelaksanaan hala tuju RS Negeri dan menjadi rujukan kepada *stakeholders*, jabatan / agensi pelaksana. Di antara negeri yang telah melaksanakan sistem pemantauan ini adalah Negeri Selangor, Pulau Pinang dan Kedah yang boleh dijadikan panduan kepada semua di dalam menyediakan laporan pemantauan yang lebih sistematik dan teratur.

Panduan LPPFN yang diselaraskan ini juga adalah merupakan format umum LPPFN yang akan digunapakai oleh semua PLANMalaysia Negeri bagi menyediakan dokumen LPPFN. Kandungan panduan LPPFN ini telah memperincikan cadangan proses penyediaan LPPFN di peringkat Terma Rujukan sehingga penyediaan Laporan Akhir LPPFN dan turut memperincikan kaedah LPPFN secara sistem. Kandungan LPPFN juga mengandungi pendekatan kajian, skop pemantauan, pengukuran pencapaian pelaksanaan dasar, pengumpulan data maklumat dan cadangan struktur organisasi LPPFN yang akan menjadi panduan semasa di peringkat penyediaan LPPFN kelak.

Di akhir penyediaan LPPFN ini, Perincian panduan penetapan pemantauan kajian RS Negeri akan diselaraskan melibatkan pertimbangan bagi kajian semula dan penetapan bagi pelaksanaan LPPFN bagi setiap tahun melalui sistem dan dua (2) tahun bagi kaedah secara manual. Panduan asas susunan matriks pengukuran penilaian dasar akan digunakan sebagai panduan penilaian pelaksanaan dasar. Output penilaian



pencapaian ini akan dikategorikan kepada tiga (3) meliputi Capai, Belum Capai dan Tidak Capai. Dasar-dasar yang belum dicapai dan tidak capai akan disyorkan untuk disemak semula sama ada masih sesuai untuk dikekalkan, dipantau secara berkala, ditambah baik atau dimansuhkan. Peratusan keseluruhan pencapaian dasar, IP dan Output / indikator akan dijadikan panduan kepada pencapaian pelaksanaan fasa yang dikaji bagi suatu RS Negeri.

Panduan LPPFN yang disediakan ini akan diterjemahkan secara sistem yang dibangunkan oleh MUO, PLANMalaysia. Sistem pemantauan RS yang dibangunkan ini juga akan diintegrasikan dengan sistem sediaada bagi negeri-negeri yang telah melaksanakan sistem dan penggunaannya akan diselaraskan di semua negeri yang belum melaksanakan sistem tersebut.

Diharapkan Panduan LPPFN ini dapat membantu semua pihak yang terlibat dalam penyediaan LPPFN bagi menghasilkan dokumen yang seragam dan berkualiti bagi pelaksanaannya di semua negeri dan dijadikan panduan bagi menggantikan Laporan Pemantauan yang telah disediakan oleh Pejabat Projek Zon Utara (PPZU).

PASUKAN PETUGAS PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN PEMANTAUAN PERANCANGAN FIZIKAL NEGERI (LPPFN)



Pengarah J54
TPr Norjafni bin Zainuddin



Ketua Pasukan
Norhasnita binti Abd. Samad
Pegawai Perancang Bandar & Desa J52



Penyelaras
Ahmad Faiez bin Mohammed
Pegawai Perancang Bandar & Desa J44



Penolong Penyelaras
Faizulzila bt Mohammad
Pegawai Perancang Bandar & Desa J44



Setiausaha
Muhammad Nur Haszriezol
bin Abdul Rahman
Pegawai Perancang Bandar & Desa J41

Pasukan Petugas LPPFN



Kamal bin Noor
Pegawai Perancang Bandar & Desa J44



Sabry bin Hamid
Pegawai Perancang Bandar & Desa J44



Owee Boon Hwe
Pegawai Perancang Bandar & Desa J44



Nor Asimah binti Salleh
Pegawai Perancang Bandar & Desa J44



Naimi Nazifa binti Razab
Pegawai Perancang Bandar & Desa J41



Wan Nurulain binti
Wan Hassan
Pegawai Perancang Bandar & Desa J41



Mohd Safuan bin Ibrahim
Pegawai Perancang Bandar & Desa J41



Khairil Afiq bin Ahmad
Pegawai Perancang Bandar & Desa J41



Fatin Haziqahtarhana binti
Adanan
Pegawai Perancang Bandar & Desa J41

Urusetia



Rozinah binti Ramli
Penolong Pegawai Perancang
Bandar & Desa JA36



Nurul Farhana binti Jusoh
Penolong Pegawai Perancang
Bandar & Desa JA29



Muhammad Hamizan bin
Mohd Faudzi
Penolong Pegawai Perancang
Bandar & Desa JA29

*Sebarang pertanyaan mengenai LPPFN
boleh dikemukakan melalui nombor telefon
yang tertera di bawah:*



Pasukan Petugas LPPFN
Pejabat Projek Zon Timur
PLANMalaysia



011-32379161 : Pn. Norhasnita
014-8239786 : En. Haszriezol



VERSI 2023

e ISBN 978-629-96587-1-9



9 786299 658719